

**PEMINDAHAN NEGATIF DALAM PENULISAN KARANGAN
BAHASA SEPANYOL OLEH PELAJAR MELAYU.**

FATINA BINTI BAKAR

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2016

**PEMINDAHAN NEGATIF DALAM PENULISAN
KARANGAN BAHASA SEPANYOL OLEH PELAJAR
MELAYU.**

FATINA BINTI BAKAR

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

PERAKUAN
UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Fatina binti Bakar**

No Matrik: **TGA100011**

Nama Ijazah: Sarjana Pengajian Bahasa Moden.

Tajuk Disertasi: ("Hasil Kerja ini"):

Pemindahan Negatif dalam Penulisan Karangan Bahasa Sepanyol oleh Pelajar Melayu

Bidang Penyelidikan: **Pemerolehan bahasa**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan in imenyserahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta

Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang

Adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;

- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon ;

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi;

Tarikh:

Nama: **Dr.Patricia NoraRiget**

Jawatan: **Pensyarah/Penyelia**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneroka fenomena pemindahan negatif dari bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris ke dalam penulisan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Sepanyol. Fokus kajian adalah untuk melihat perbezaan dalam pemindahan negatif di antara bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Kajian ini dijalankan dengan kaedah campuran (*mixed-method*) di mana pengkaji menggunakan perkiraan statistik mudah bagi mengira kekerapan pemindahan negatif dan seterusnya memberi huraian deskriptif terhadap jenis pemindahan negatif tersebut. Data primer adalah daripada 30 penulisan karangan pelajar Melayu Tahap 1 bahasa Sepanyol. Kesilapan pelajar dalam karangan akan dikategorikan mengikut beberapa jenis kesilapan yang diadaptasi daripada Calvo Cortés (2005) dan seterusnya kesan PN dianalisis menggunakan klasifikasi jenis pemindahan negatif Odlin (1989). Selain itu, data dari soal selidik digunakan bagi melihat persepsi pelajar tentang penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Dapatan kajian mendapati pelajar lebih banyak melakukan pemindahan negatif daripada bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu dan jenis pemindahan yang paling banyak dilakukan ialah dari jenis kata kerja. Sementara persepsi pelajar terhadap bahasa yang banyak digunakan sebagai rujukan dalam mempelajari bahasa Sepanyol juga ialah bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini diharap dapat menarik perhatian tenaga pengajar bahasa Sepanyol terhadap kewujudan fenomena pemindahan bahasa dan dapat digunakan bagi tujuan penambahbaikan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol terutamanya di Malaysia.

Kata kunci: Pemindahan Bahasa, Pemerolehan Bahasa, Bahasa Sepanyol

ABSTRACT

NEGATIVE TRANSFER IN SPANISH LANGUAGE WRITING AMONG MALAY STUDENTS

The research explores the negative transfer phenomenon from the Malay Language and the English Language in the writing of Malay students who are learning the Spanish Language. The focus of the research is to identify the differences in the negative transfer between Malay and English Language. The research employs mixed method approach where the researcher will use basic statistics to calculate the frequency of negative transfer and will provide the descriptive explanation of the negative transfer. The primary data comprises of 30 essays of Malay students who are learning Spanish Language level 1. The mistakes of the students in the essay writings will be categorized according to the types of mistakes adapted from Calvo Cortés (2005) and subsequently analyzed using the negative transfer classification type (Odlin 1989). In addition, the data from the questionnaire will be used to investigate the perception of students towards the usage of Malay and English Language in the learning of Spanish Language. The findings show that students make more negative transfer from English compared to Malay and the type of negative transfer that they do most is the verb. Besides that, student's perception towards language that they use as a reference in Spanish class is also English. The outcome of the research is expected to capture the interest of Spanish Language Instructors towards language transfer phenomenon and can be used to improve the teaching and learning of the Spanish Language particularly in Malaysia.

Keyword: Language Transfer, Language Acquisition, Spanish Language

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaannya kajian ini dapat dijalankan dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Patricia Nora Riget selaku penyelia. Segala bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan amat saya hargai dan akan tetap saya kenang hingga ke akhir hayat.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada seluruh tenaga pengajar yang terlibat dengan program Sarjana Pengajian Bahasa Moden serta seluruh kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan secara langsung atau tidak langsung.

Buat Allahyarhamah bonda Hasnah binti Mat Amin dan Allahyarham Haji Bakar bin Ali yang dikasihi, dorongan dan kata-kata semangat dari ayahanda dan bonda tetap terngiang di ingatan dan menjadi semangat untuk anakanda menyiapkan kajian ini walaupun ayahanda dan bonda telah lama kembali kepada-Nya. Semoga roh bonda dan ayahanda ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman dan beramal soleh.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada suami, Faizal Abd Aziz dan anak-anak Afrina Damia, Afrina Batrisya, Ahmad Arfan Danial, Ahmad Muhaimin dan Ahmad Aliff Akram kerana kehadiran kalian menjadi penguat semangat dalam meneruskan perjuangan ini.

Kepada sahabat-sahabat yang berada di Universiti Pendidikan Sultan Idris, terutamanya Puan Noraziah Abdul Aziz, terima kasih atas bantuan dan dorongan yang tidak terhingga.

Gracias a todos.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA	x
SINGKATAN DAN SIMBOL	x
BAB 1	1
Pengenalan	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian.	4
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Definisi Operasional	10
1.6.1 Pemerolehan Bahasa Kedua dan Bahasa Asing.	10
1.6.2 Bahasa Antara	14
1.6.3 Pemindahan bahasa	15
1.6.4 Pemindahan Negatif (PN)	16
1.7 Kesimpulan	17
BAB 2	18
TINJAUAN LITERATUR	18
2.0 Pengenalan	18
2.1 Kajian pemerolehan bahasa	18
2.1.1 Analisis kontrastif	20
2.1.2 Analisis kesilapan	20
2.2 Teori Pemerolehan Bahasa Ketiga	21
2.2.1 Pemindahan bahasa	23
2.3 Perbandingan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol	35
2.3.1 Bahasa Melayu (BM)	35

2.3.2 Bahasa Inggeris (BI)	35
2.3.3 Bahasa Sepanyol (BS)	36
2.4 Sorotan Kajian Pemindahan Bahasa	37
2.5 Kesimpulan	43
BAB 3	44
METODOLOGI KAJIAN	44
3.1 Pengenalan Pengkaedahan.	44
3.2 Rekabentuk Kajian.	45
3.3 Responden Kajian	46
3.4 Instrumen Kajian	47
3.4.1 Karangan Pelajar	47
3.4.2 Soal Selidik	48
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	48
3.6 Analisis data	50
3.6.1 Data dari karangan.	50
3.6.2 Data Soal Selidik	58
3.7 Kesimpulan	60
BAB 4	61
4.0 Pengenalan.	61
4.1 Dapatan kajian secara keseluruhan.	61
4.2 Analisis Bahagian 1: Jenis-jenis PN yang paling kerap berlaku daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam penulisan pelajar.	62
4.3 Analisis Soalan Kajian 2: Perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM atau BI dalam karangan BS pelajar-pelajar Melayu	70
4.3.1 PN dari BM	71
4.3.1.1 PN dari BM jenis kata kerja	71
4.3.1.2 PN dari BM dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	74
4.3.1.3 PN dari BM dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	77
4.3.1.4 PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama	78
4.3.1.5 PN dari BM dari jenis Lain-lain Kesilapan	79
4.3.1.6 PN dari BM dari jenis Padanan	80
4.3.1.7 PN dari BM dari jenis Kata Hubung	80
4.3.2 PN dari BI	81
4.3.2.1 PN dari BI dari jenis Kata Kerja	81
4.3.2.2 PN dari BI dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	89

4.3.2.3 PN dari BI dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	91
4.3.2.4 PN dari BI dari jenis Lain-lain Kesilapan	94
4.3.2.5 PN dari BI dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama	96
4.3.2.6 PN dari BI dari jenis Kata Hubung	97
4.4 Analisis Soalan Kajian 3: Persepsi pelajar terhadap penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS.	97
4.4.1 Aspek yang digunakan sebagai rujukan di dalam kelas BS	97
4.4.2 Aspek BM yang membantu pelajar dalam mempelajari BS.	98
4.4.3 Aspek BI yang membantu pelajar dalam mempelajari BS	99
4.4.4 Persepsi pelajar tentang bahasa yang lebih mudah digunakan dalam mempelajari BS.	100
BAB 5	102
5.0 Pendahuluan	102
5.1 Perbincangan Dapatan	102
5.2 Rumusan Keseluruhan	105
5.2.1 Klasifikasi jenis PE	107
5.2.2 Klasifikasi jenis UP	107
5.2.3 Klasifikasi jenis OP	108
5.2.4 Klasifikasi jenis MI	108
5.4 Batasan Kajian	109
5.5 Cadangan Kajian Akan Datang	109
5.6 Penutup	110
RUJUKAN	111
LAMPIRAN 1	118
LAMPIRAN 2	147
BORANG SOAL SELIDIK	148

SENARAI JADUAL

	Mukasurat
Jadual 2.1	37
Jadual 3.1	51
Jadual 3.2	54
Jadual 3.3	58
Jadual 4.1	63
Jadual 4.2	66
Jadual 4.3	71
Jadual 4.4	74
Jadual 4.5	77
Jadual 4.6	78
Jadual 4.7	79
Jadual 4.8	80
Jadual 4.9	80
Jadual 4.10	81
Jadual 4.11	86
Jadual 4.12	89
Jadual 4.13	91
Jadual 4.14	94
Jadual 4.15	96
Jadual 4.16	97

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	28
Rajah 2.2	32
Rajah 3.1	44
Rajah 3.2	50
Rajah 3.3	56

SENARAI CARTA

	Mukasurat
Carta 4.1	63
Carta 4.2	66
Carta 4.3	70
Carta 4.4	98
Carta 4.5	98
Carta 4.6	99
Carta 4.7	100
Carta 5.1	106

SINGKATAN DAN SIMBOL

BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
BS	Bahasa Sepanyol
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
B3	Bahasa Ketiga
PN	Pemindahan Negatif
POP	Preposisi dan Objek Preposisi
PD	Padanan
KH	Kata Hubung
AKGN	Artikel dan Kata Ganti Nama
KK	Kata Kerja
EKK	Ejaan dan Kosa Kata

LLK	Lain-lain Kesilapan
UP	<i>Underproduction</i>
OP	<i>Overproduction</i>
PE	<i>Production Errors</i>
MI	<i>Misinterpretation</i>

University of Malaya

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa merupakan anugerah yang tidak ternilai kepada manusia. Manusia menggunakan bahasa untuk melahirkan perasaan, menyampaikan dan mengakumulasi ilmu, mengabadikan ilmu itu, menciptakan keindahan melalui kesusasteraan dan menurunkan ilmu, kebudayaan, peradaban dari generasi ke generasi (Mangantar Simanjuntak 1982:1). Keunikan bahasa pula ialah ianya dapat difahami oleh ahli komuniti bahasa itu sahaja dan tidak mungkin dapat difahami oleh kelompok lain jika tidak dipelajari. Menurut Hazlina Abd Halim (2008) setiap satu bahasa itu berbeza dari yang lain dalam pelbagai bentuk seperti perbezaan dari segi sebutan dan perbendaharaan kata hinggalah kepada perbezaan yang tidak ketara seperti perbezaan dalam tatabahasa. Menurut Zhiliang Liu (2011) dalam proses pembelajaran bahasa asing, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pelajar, terutamanya faktor-faktor dalaman (*internal*) dan luaran (*external*). Dalam kajian ini pengkaji akan memberi tumpuan kepada faktor-faktor luaran pelajar iaitu Pemindahan Negatif (selepas ini akan ditulis sebagai PN) bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) dalam pembelajaran bahasa Sepanyol.

Perbincangan tentang pemindahan bahasa sebenarnya telah bermula dengan kajian-kajian sarjana Amerika dalam tahun 1940-an dan 1950-an dan kemudiannya telah diperluaskan oleh Selinker pada tahun 1972 dan juga Odlin pada tahun 1989. Odlin (1989) mendefinisikan pemindahan bahasa sebagai:

Language Transfer can be defined as the influence from similarities and differences between the target language and any other language that has been previously (and perhaps imperfectly) acquired (T. Odlin 1989:27)

Berdasarkan definisi oleh Odlin (1989) di atas, Pemindahan Bahasa boleh ditakrifkan sebagai kesilapan yang terhasil dari persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara bahasa sasaran dan sebarang bahasa lain yang telah dikuasai sepenuhnya sebelum ini. Dalam kajian ini karangan pelajar-pelajar Melayu akan dikaji bagi meneroka faktor-faktor persamaan dan juga perbezaan yang wujud dan sama ada persamaan dan perbezaan itu merupakan pengaruh daripada B1 atau B2.

Konsep pemindahan bahasa ini sebenarnya berkaitan dengan pengaruh bahasa antara yang diutarakan oleh Selinker (1972). Selinker menggunakan istilah bahasa antara (*interlanguage*) bagi menerangkan peringkat peralihan daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Menurut Selinker (1972), bahasa antara pelajar kedua bersifat dinamis dan tidak dapat dihuraikan dari segi B1 atau B2 walaupun sekiranya pelajar itu dipengaruhi oleh kedua-dua bahasa tersebut. Bahasa antara merupakan bahasa yang lahir pada peringkat peralihan antara B1 dengan B2 dan sentiasa berubah-ubah semasa pemerolehan bahasa kedua. Oleh itu bahasa antara bersifat sementara dan dibentuk oleh pelajar B2 semasa menuju ke arah penguasaan bahasa sasaran. Istilah bahasa antara membawa dua makna, pertama, sistem tatabahasa pelajar pada suatu tahap dalam satu masa. Kedua, sistem tatabahasa yang kunci-mengunci antara satu sama lain sebagai tanda perkembangan bahasa pelajar yang telah melewati batas waktu. (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2004:56)

Menurut Calvo Cortes (2005), pemindahan boleh berlaku sama ada secara positif atau secara negatif. Pemindahan Positif berlaku apabila persamaan-persamaan yang terdapat di dalam bahasa ibunda dan bahasa sasaran membantu pembelajaran

sementara Pemindahan Negatif pula merujuk kepada pengaruh negatif daripada pengetahuan bahasa ibunda yang terjadi sewaktu pembelajaran bahasa sasaran akibat perbezaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa tersebut.

Calvo Cortes (2005) menyatakan bahawa tidak semestinya pemindahan positif memudahkan pembelajaran kerana terdapat beberapa kejadian di mana persamaan di antara bahasa ibunda dan bahasa kedua adalah sangat mengelirukan. Sebagai contoh beberapa perkataan yang hampir sama dalam beberapa bahasa tetapi digunakan di dalam konteks dan makna yang berbeza. Sebagai contoh perkataan 'pintar' dalam BM bermaksud pandai atau cerdik sementara dalam BS pula ianya merupakan kata kerja atau *infinitive* yang bermaksud melukis. Begitu juga beberapa persamaan perkataan di antara BS dan BI yang berbeza maksud. Sebagai contoh 'La red' membawa makna 'network' atau jaringan perhubungan internet sementara dalam BI perkataan *red* bermakna merah. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kejadian, persamaan antara bahasa-bahasa terutamanya apabila kita membincangkan sub sistem yang dipelajari terutamanya berkaitan sintaksis, fonologi dan morfologi akan membantu pelajar mencapai pengetahuan yang lebih baik. Sebagai contoh persamaan morfologi bagi BI dan BS yang menambahkan sama ada -s- atau -es- daripada bentuk *singular* kepada kata nama akan memudahkan kedua-dua pelajar bahasa tersebut menerapkan bentuk jamak tersebut dalam bahasa sasaran.

Fokus kajian pengkaji dalam kajian ini sebenarnya tidak tertumpu kepada pemindahan positif (PP) tetapi kepada PN yang berlaku dalam proses pembelajaran BS pelajar di peringkat universiti. Kajian ini akan dijalankan untuk menganalisis kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam karangan akibat dari pemindahan bahasa yang berlaku. Kesilapan yang ditunjukkan akan mewakili kesilapan semantik dan kesilapan sintaksis. Menurut beberapa orang sarjana linguistik, (Takahashi (1984) dalam Calvo Cortes (2005), menyatakan bahawa kesilapan dari segi semantik lebih banyak dan

berterusan berbanding kesilapan dari segi sintaksis di dalam banyak kajian dan ianya sangat ketara dalam kajian terjemahan di mana pelajar cuba menterjemah secara literal dan hasil kajian juga menunjukkan bahawa kesilapan dari segi semantik adalah akibat daripada pemindahan dari satu bahasa ke bahasa yang lain.

1.1 Latar Belakang Kajian.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia mempelajari bahasa asing sebagai B2 dan bahasa ketiga (B3) bukanlah satu perkara baharu. Menurut Zamri Mahamod (2000), konsep langit terbuka dan dunia tanpa sempadan menuntut kita menguasai lebih daripada satu bahasa. Kini masyarakat di Malaysia bukan sahaja berminat mempelajari bahasa Inggeris malah bahasa-bahasa asing lain seperti bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Perancis dan tidak terkecuali bahasa Sepanyol. Hal ini demikian kerana, bukan sahaja di peringkat sekolah malah di peringkat universiti juga telah banyak menawarkan program bahasa-bahasa asing ini. Pelajar yang mempelajari bahasa asing ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, bukan sahaja dari kalangan pelajar Melayu malah pelajar Cina, India, dan juga etnik-etnik lain. Bagi memastikan semua pelajar dapat menguasai bahasa yang dipelajari, guru bahasa berperanan untuk memastikan penguasaan bahasa tersebut dalam kalangan pelajar (Zamri Mahamod, 2000) kerana dalam situasi pembelajaran bahasa akan timbul masalah pengaruh bahasa ibunda.

BS adalah salah satu bahasa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Malaysia sebagai bahasa asing. Kebanyakan universiti-universiti di Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan beberapa universiti tempatan yang lain menawarkan BS di universiti masing-masing (Azlina Mohd Sera'ai, 2009). Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) juga tidak terkecuali dalam menawarkan kursus BS sejak tahun 2003 lagi. Pada peringkat awal BS ditawarkan sebagai kursus audit kepada mahasiswa universiti, kakitangan dan masyarakat setempat (Mariyati Haji Mohd Nor,

2008). Namun begitu BS kini juga telah ditawarkan sebagai kursus pengayaan diri dan telah diambil kira sebagai kursus yang mempunyai gred di UPSI. Tiga peringkat BS asas yang ditawarkan di UPSI ialah BS Komunikasi Tahap 1, BS Komunikasi Tahap 2 dan BS Komunikasi Tahap 3. Majoriti pelajar yang mengikuti kursus BS di UPSI adalah pelajar Melayu. Oleh itu, besar kemungkinan pelajar-pelajar Melayu akan memindahkan pengetahuan dan pengalaman BM dalam BS adalah sangat tinggi. Kajian Noor Aina Dani (1996) menunjukkan pelajar-pelajar Dusun di Sabah yang mempelajari BM juga melakukan pemindahan bahasa Dusun sewaktu dalam proses penguasaan BM.

Dalam kajian bidang linguistik ini, tajuk kajian yang akan dibincangkan ialah pemindahan bahasa iaitu pemindahan negatif dalam pemerolehan bahasa. Terdapat ramai tokoh-tokoh bahasa antaranya Kellerman, 1957; Odlin, 1993; Ellis, 1997 dan lain-lain yang telah mengemukakan pendapat dan memberikan sumbangan dalam bidang kajian tersebut. Dalam kajian ini, kita akan melihat kepada teori-teori dan konsep yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh bahasa mengenai pemerolehan bahasa kedua. Pemerolehan bahasa boleh diberikan dua pengertian. Yang pertama, pemerolehan bahasa mempunyai permulaan yang mendadak atau secara tiba-tiba. Pengertian kedua pula pemerolehan bahasa memiliki suatu permulaan yang muncul dari prestasi-prestasi motorik, sosial dan kognitif pralinguistik. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998), B2 boleh didefinisikan sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa ibunda yang diperoleh. Oleh yang demikian, B2 ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu.

Penggunaan B2 boleh dikatakan amat dipengaruhi oleh latar belakang budaya, suku kaum, dialek dan sebagainya. B2 bukan sahaja merujuk kepada bahasa yang diperoleh selepas pemerolehan B1 tetapi dalam proses pemerolehan bahasa tersebut turut dipengaruhi oleh B1. Proses tersebut dikatakan sebagai pemindahan bahasa. Pemindahan bahasa ditakrifkan sebagai gangguan B1 (*First Language Interference*) iaitu penutur

menggunakan pengetahuan (tatabahasa dan juga struktur bahasa) daripada B1 dalam pertuturan B2. Ellis (1997) merujuk *interference* (gangguan) sebagai *transfer* (pemindahan). Kajian ini menfokuskan kepada BM sebagai bahasa pertama responden selain BI yang juga B2 dalam penguasaan BS.

1.2 Pernyataan Masalah

BM dan BS merupakan dua bahasa dari keluarga yang berbeza. BS berasal dari keluarga bahasa Latin manakala BM pula berasal dari keluarga Austronesia. Sehubungan itu, banyak aspek dan juga struktur tatabahasa yang berbeza antara BS dan juga BM. Pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BS akan menghadapi masalah dalam pembelajaran terutamanya apabila berhadapan dengan fonem-fonem (satuan bunyi bahasa terkecil yang bersifat fungsional) yang tidak wujud dalam bahasa mereka. Begitu juga struktur tatabahasa BS yang mana kata namanya mempunyai gender, konjugasi kata kerja dan sebagainya telah menjadi salah satu faktor kesukaran pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa ini kerana dalam BM tidak wujud sistem gender dan juga konjugasi kata kerja ini. Faktor-faktor berlakunya PN pada setiap ayat yang dikesan mengandungi kesilapan akan dicatatkan dan kesan PN dianalisis berdasarkan klasifikasi Odlin (1993). Faktor-faktor berlakunya PN ini akan diteliti sama ada dipengaruhi dari BM atau BI.

Terdapat beberapa kajian tentang pemerolehan bahasa kedua seperti kajian oleh Hazlina Abdul Halim (2008) yang mengkaji penggunaan gender gramatikal bahasa Perancis, kajian penggunaan kata kerja bahasa Jerman oleh Aida Husni Abdul Hamid (2012) dan kajian oleh Chen Chun Ping (2006) yang mengkaji pemindahan lexis bahasa Inggeris ke dalam bahasa Cina. Kajian-kajian ini merupakan kajian pengkaji tempatan dalam bidang pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing. Terdapat juga kajian-kajian bahasa asing yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam BS. Radhiah Ismail (2004) telah

mengkaji penguasaan kata ganti nama diri BS dalam kalangan pelajar Melayu, Mariyati Haji Mohd Nor (2008) telah mengkaji unsur-unsur kata adjektif BS. Azlina Mohd Sera'ai (2009) mengkaji orientasi dan motivasi pelajar dalam BS dan Neo Swee Ling (2005) yang mengkaji strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar BS. Sementara Norhayati Alias (2008) dan Salina Husin (2008) masing-masing membuat kajian kesamaan makna dari BS dan BM dalam terjemahan sari kata telenova dan kajian perbandingan makna dan amalan dalam peribahasa BM dan BS. Kajian-kajian ini banyak menyumbang kepada bidang pemerolehan bahasa asing secara amnya dan kepada pengajaran dan pembelajaran BS di Malaysia khususnya.

Sementara itu, kajian berkaitan pemindahan bahasa terutama kajian berkaitan PN telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana luar. Kebanyakan kajian biasanya memberikan fokus kepada hanya satu bahasa sahaja. Sebagai contoh, kajian oleh Calvo Cortés (2005) yang mengkaji PN yang berlaku sewaktu mempelajari BS sebagai bahasa asing, PN oleh Pelajar Kolej Cina dalam Penulisan bahasa Inggeris oleh Zhiliang Liu (2011) dan kajian PN dalam Kecekapan Penulisan Pelajar Rusia: Perbandingan di antara penutur asal dan pelajar B2 oleh Aleeva (2012). Dalam kajian ini, pengkaji cuba meneroka PN yang berlaku dalam karangan pelajar dan melihat faktor-faktor penyebab berlakunya PN sama ada dari B1 atau B2 bagi tujuan penambahbaikan proses Pengajaran & Pembelajaran BS. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini kerana setakat ini masih kurang kajian yang dijalankan bagi mengkaji kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pemerolehan BS dalam konteks pembelajaran di Malaysia dan seterusnya melihat faktor-faktor yang membezakan PN jika dilihat dari dua bahasa yang berlainan.

Apabila memperkatakan topik yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa, kita tidak dapat lari dari membuat tinjauan terhadap teori pembelajaran bahasa kedua yang merangkumi teori input hipotesis oleh Krashen (1981). Krashen telah memperkenalkan Teori Monitor (*Monitor Model*) yang seterusnya dikenali sebagai Hipotesis Pembelajaran

dan Pemerolehan (*Acquisition-Learning Hypothesis*) dan kini lebih popular dengan Input Hipotesis (*Input Hypothesis*). Dalam Hipotesis Pembelajaran dan Pemerolehan (*Acquisition-Learning Hypothesis*) Krashen mengatakan terdapat dua cara yang digunakan oleh seseorang dewasa untuk memupuk kompetensi bahasa kedua iaitu pemerolehan (*acquisition*) dan pembelajaran (*learning*). Pemerolehan berlaku di bawah sedar (*conscious*) iaitu proses di mana pelajar bahasa kedua akan mempelajari rumus tatabahasa dan berkesudahan dengan mengetahui mengenai bahasa tersebut. McLaughlin (1987) telah membezakan istilah pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa. Menurut beliau, bahasa diperoleh secara tidak formal dalam persekitaran semula jadi seperti di tempat awam, pergaulan dengan jiran dan sebagainya. Bahasa dikatakan dipelajari secara formal apabila ia diajar di dalam bilik darjah. Beliau menegaskan bahawa pemerolehan dua bahasa dalam persekitaran dwibahasa melibatkan sedikit gangguan dan persaingan antara dua sistem linguistik, sedangkan dalam pembelajaran di dalam kelas secara formal, pelajar mengalami banyak gangguan. Gangguan bahasa sememangnya berlaku kepada pelajar bahasa kedua dan juga bahasa asing. Tambahan pula bagi pelajar BS yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan penutur asli bahasa tersebut.

Dalam pemerolehan bahasa asing khususnya BS, pelajar terpaksa berdepan dengan pelbagai isu berkenaan struktur, sebutan dan makna bagi kata kerja. Pelajar juga didedahkan dengan konjugasi kata kerja yang mana tidak terdapat dalam BM. Sebelum dapat menguasai BS, pelajar akan terdedah kepada proses pemindahan bahasa daripada bahasa ibunda dan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji jenis pemindahan bahasa yang berlaku untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya PN dalam penulisan karangan pelajar Melayu, pengkaji akan turut melihat perbezaan pemindahan sama ada dari BM atau dari BI.

1.3 Objektif Kajian

Secara umum kajian ini dijalankan bagi mengkaji fenomena PN dalam penulisan pelajar Melayu yang mempelajari BS Tahap 1. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat bagaimana pemindahan negatif dari BM berbeza dengan pemindahan negatif dari BI. Analisis data akan dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti jenis-jenis pemindahan negatif yang paling kerap berlaku dalam penulisan pelajar-pelajar Melayu BS Tahap 1.
2. Mengkaji perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM dan BI dalam karangan pelajar-pelajar Melayu.
3. Meneliti persepsi pelajar-pelajar Melayu terhadap penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian ini, pengkaji telah membentuk soalan kajian bagi menjalankan kajian ini. Terdapat tiga persoalan kajian yang telah dibentuk iaitu:-

1. Apakah jenis-jenis pemindahan negatif yang paling kerap berlaku daripada BM dan BI dalam penulisan pelajar Melayu Tahap 1 BS?
2. Adakah terdapat perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM dan BI dalam karangan BS pelajar Melayu? Jika ya, apakah perbezaan ini?
3. Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan BM dan BI dalam pemerolehan BS?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan menggunakan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BS Tahap 1 sebagai bahasa asing. Keputusan untuk menggunakan hanya pelajar Melayu

sahaja sebagai responden kajian ini adalah berdasarkan anggapan bahawa bahasa pertama pelajar-pelajar adalah BM manakala bahasa kedua yang dipelajari pula adalah BI. Dengan itu bahasa yang akan mempengaruhi penulisan pelajar-pelajar dalam BS ialah sama ada dari BM atau BI sahaja. Manakala data kajian pula adalah hanya berdasarkan aktiviti penulisan pelajar iaitu karangan dalam BS. Pengkaji tidak menggunakan teknik rakaman kerana pada tahap 1 ini kosa kata pelajar sangat terhad dan pelajar hanya mampu memberi respon yang terlalu pendek dalam perbualan. Oleh itu pengkaji menggunakan karangan sebagai data utama kajian kerana melalui karangan pelajar mempunyai masa yang mencukupi untuk membentuk struktur ayat mengikut kemahuan mereka.

1.6 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini beberapa istilah penting perlu diberi huraian terperinci. Antara istilah-istilah penting yang berkaitan ialah:

1.6.1 Pemerolehan Bahasa Kedua dan Bahasa Asing.

Pemerolehan Bahasa Kedua atau dalam bahasa Inggerisnya *Second Language Acquisition* (SLA) dan Pemerolehan Bahasa Asing; *Foreign Language Acquisition* (FLA) merupakan istilah-istilah yang seringkali digunakan oleh sarjana-sarjana bidang linguistik bagi membincangkan ilmu berkaitan penguasaan bahasa selepas bahasa pertama. Sememangnya terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua jenis pemerolehan bahasa ini.

Menurut Oxford (1990:6) "*a second language has social and communicative functions within the community where it is learned.*

Terjemahan pengkaji sendiri;

[Bahasa kedua mempunyai peranan sosial dan fungsi komunikasi dalam komuniti di mana bahasa tersebut dipelajari].

Dalam konteks Malaysia, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang diajar di semua sekolah di Malaysia. Fasal (I) dalam strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1967) adalah menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib diajar di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa-bahasa lain seperti bahasa Tamil dan Cina. (<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/242-dasar-pendidikan-kebangsaan.html>). Kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia diangkat selari dengan fungsi sosial dan komunikasi bahasa Inggeris di Malaysia. Sebagai sebuah negara multilingual, Malaysia memerlukan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris bagi memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan juga profesyen.

Teori berkaitan pemerolehan bahasa kedua pula dikemukakan oleh Krashen (1981). Krashen telah mengemukakan pandangannya teoritikalnya berkaitan pembelajaran bahasa kedua yang mendasari aliran Annatis yang menjadi landasan teori input Hipotesis Krashen. Teori Hipotesis Krashen merupakan gabungan daripada lima hipotesis iaitu:-

(a) Hipotesis aturan semulajadi

Hipotesis ini adalah berdasarkan kepada dapatan kajian Dulay & Burt (1974, 1976) yang menyatakan bahawa pemerolehan struktur dan rumus tatabahasa oleh pelajar bahasa kedua berlaku secara natural (*natural order*) di mana ianya boleh diramal. Proses ini bergantung kepada faktor umur, latar belakang dan tahap pendedahan pelajar tersebut kepada bahasa kedua.

(b) Hipotesis pemerolehan/ pembelajaran

Krashen (1981) mengatakan bahawa terdapat dua cara yang digunakan oleh seseorang dewasa untuk memupuk kompetensi bahasa kedua iaitu pemerolehan (*acquisition*) dan pembelajaran (*learning*). Pemerolehan berlaku di bawah sedar (*subconscious*),

yang hampir menyerupai proses seorang kanak-kanak memproses bahasa yang diperolehnya secara tidak langsung. Pembelajaran bahasa berlaku secara sedar (*conscious*) iaitu satu proses di mana pelajar bahasa kedua akan mempelajari rumus tatabahasa dan berkesudahan dengan mengetahui bahasa tersebut.

(c) Hipotesis pemantau:

Menurut Krashen (1981) konsep pemantau (*monitor*) hanya melibatkan pembelajaran (*learning*) bukan pemerolehan (*acquisition*). Ia berfungsi sebagai alat pemantau pertuturan (*output*) dan bertujuan memperbaiki ujaran yang dihasilkan oleh sistem. Hanya pemantau yang digunakan secara optima sahaja akan dapat meningkatkan tahap kompetensi komunikasi seseorang pelajar bahasa kedua.

(d) *Hipotesis Input*

Hipotesis ini beranggapan bahawa prasyarat terpenting seseorang pelajar bahasa kedua memperoleh bahasa adalah apabila ia memahami input bahasa yang diperolehnya sama ada melalui pendengaran atau pembacaan. Pelajar bahasa kedua dianggap mengalami suatu perkembangan dari tahap i (kompetensi sekarang) menuju tahap $i + 1$ apabila ia sudah memahami input yang bermakna $i + 1$ iaitu melebihi daripada kebolehan pelajar pada tahap semasa.

(e) *Hipotesis Tapisan Afektif*

Hipotesis ini menerangkan bagaimana faktor-faktor afektif mempunyai kaitan tetapi bukan penyebab dengan proses pemerolehan bahasa. Konsep ini dikemukakan oleh Dulay dan Burt (1977). Krashen (1985) mendapati pelajar bahasa kedua yang mempunyai motivasi yang tinggi, keyakinan diri, penampilan diri yang baik dan tahap kerisauan yang rendah mempunyai peluang kejayaan yang lebih untuk menguasai bahasa kedua. Manakala motivasi yang rendah, keyakinan diri yang kurang dan kerunsingan akan meningkatkan '*affective filter*' dan membina '*mental*

block' yang akan mencegah input bahasa yang difahami '*comprehensible input*' dari diperoleh oleh pelajar bahasa kedua.

Gabungan kelima-lima hipotesis Krashen ini merupakan pendekatan yang digunakan oleh para sarjana bagi memahami proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua.

Kesimpulannya, pemerolehan bahasa kedua sememangnya agak kompleks dan pelajar-pelajar terpaksa melalui beberapa tahap bagi mencapai sasaran menguasai bahasa kedua sepenuhnya. Menurut Littlewood (1984) pemerolehan bahasa kedua sememangnya mempunyai beberapa peringkat kesukaran yang tersendiri. Bagi menerangkan tahap kesukaran tersebut beliau telah menggunakan pendekatan Stockwell (1965) yang melakukan kajian konstruktif bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol. Menurut Stockwell (1965) dalam Littlewood (1984):

Their 'hierarchy of difficulty' is based primarily on comparing what linguistics choices the learner must make in (a) his native language and (b) the language he is learning. Three types of choice are, no choice at all, optional choice and obligatory choice.

Terjemahan pengkaji sendiri:

[Hierarki kesukaran secara asasnya adalah berdasarkan kepada perbandingan pilihan linguistik yang mesti dibuat oleh pelajar dalam (a) bahasa ibunda dan (b) bahasa yang dipelajarinya. Tiga jenis pilihan yang ada ialah pelajar tiada pilihan langsung, mempunyai pilihan dan pilihan wajib].

Perbezaan pemerolehan bahasa kedua dan bahasa asing pula menurut Oxford (1990) pula ialah:-

The difference between learning a second language and learning a foreign language is usually viewed in terms of where the language is learned and what social and communicative functions the languages there.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Oxford (1990) di atas jelas menunjukkan terdapatnya perbezaan di antara pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing di Malaysia. Pelajar-pelajar di Malaysia mempelajari bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris berperanan dari segi ekonomi, sosial dan pekerjaan kepada penduduk Malaysia. Namun begitu, konteks dan situasi sangat berbeza bagi pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol di Malaysia. Oxford (1991) menyatakan bahawa:-

“ a foreign language does not have immediate social and communicative functions within the community where it is learned; it is employed mostly to communicate elsewhere. ”

Berdasarkan pandangan Oxford (1990) ini, BS merupakan bahasa asing di Malaysia kerana ianya tidak berfungsi secara sosial, ekonomi dan juga pekerjaan. Peluang mempelajari BS hanya akan didapati oleh pelajar sekiranya mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti kerana kebanyakan universiti di Malaysia sudah mula menawarkan kursus BS ini. Pembelajaran bahasa asing ditakrifkan sebagai bahasa yang tidak digunakan oleh penduduk tempatan dan tidak mempunyai peranan komunikatif dalam urusan seharian di sesebuah negara. Dalam konteks kajian ini jelas bahawa BS merupakan bahasa asing bagi pelajar-pelajar di Malaysia.

1.6.2 Bahasa Antara

Bahasa antara atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *“interlanguage”* adalah istilah yang sering digunakan dalam kajian pemerolehan bahasa kedua. Selinker (1972) mencipta istilah ini untuk merujuk kepada bahasa transisi yang biasa lahir daripada persekitaran pemerolehan bahasa kanak-kanak secara urutan (*successive acquisition*) dengan variabel sosiolinguistik utamanya ketika ketidakhadiran rakan sebaya yang merupakan penutur asli bahasa sasaran tersebut. Sekiranya pemerolehan tersebut tidak dikawal selia, sistem bahasa tersebut akan berkembang menjadi dialek dalam bentuknya

tersendiri. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2004) istilah bahasa antara merujuk kepada versi bahasa sasaran pelajar bahasa kedua. Bahasa antara merupakan hasil interaksi dua sistem linguistik, iaitu bahasa pertama dan bahasa kedua. Ciri-ciri bahasa ini memperlihatkan ciri-ciri bahasa pertama dan bahasa kedua yang terjelma dalam bahasa antara.

1.6.3 Pemindahan bahasa

Odlin (1989) mendefinisikan Pemindahan Bahasa sebagai:-

“Language Transfer can be defined as the influence resulting from similarities and differences between the target language and any other language that has been previously (and perhaps imperfectly) acquired.”

Terjemahan pengkaji sendiri;

[Pemindahan bahasa boleh didefinisikan sebagai pengaruh daripada persamaan dan perbezaan di antara bahasa sasaran dan sebarang bahasa lain yang telah dikuasai sebelumnya dan mungkin belum sempurna].

Definisi yang diberikan oleh Odlin ini menunjukkan bahawa Pemindahan Bahasa saling berkaitan dengan konsep Gangguan Bahasa Antara. Pemindahan Bahasa ini boleh berlaku sama ada secara positif atau secara negatif. Pemindahan Positif berlaku apabila persamaan di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran memudahkan pembelajaran. Walau bagaimanapun PN merujuk kepada pengaruh negatif pengetahuan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa sasaran akibat daripada perbezaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa. Perbincangan tentang pemindahan telah bermula dengan kajian-kajian oleh sarjana Amerika dalam tahun-tahun 1940-an dan 1950-an dan telah menjadi isu yang kontroversi dalam bidang pengajaran bahasa. Kajian-kajian terdahulu berkaitan pemindahan bahasa telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana seperti Charles Fries (1945) dan Robert Lado (1957) dalam bidang penyelidikan dan Odlin (1989)

kemudiannya telah mencetuskan pandangan berkaitan pengaruh silang linguistik (*cross-linguistics influences*) yang menjadi kontroversi dalam sejarah linguistik abad ke-19.

1.6.4 Pemindahan Negatif (PN)

Walaupun PN cenderung untuk disamakan dengan kesilapan produksi, terdapat beberapa cara di mana kecekapan seseorang pelajar B2 dan penutur asal sesuatu bahasa dapat dibezakan.

Odlin (1989) mengatakan terdapat empat akibat (*consequences*) yang terhasil daripada PN.

i) Kurang Penghasilan (*Underproduction*)

Pelajar akan menghasilkan terlalu sedikit atau langsung tiada struktur bahasa sasaran. Kurang penghasilan muncul apabila pelajar menyedari struktur yang tertentu dalam bahasa sasaran adalah sangat berbeza daripada bahasa ibundanya. Oleh sebab itu pelajar akan mengelak daripada menggunakan struktur tersebut sama ada dalam pertuturan atau penulisan.

ii) Lebih Penghasilan (*Overproduction*)

Lebih Penghasilan (OP) pula terhasil kadang-kala disebabkan oleh Kurang Penghasilan (UP). Oleh kerana pengelakan beberapa struktur kurang penghasilan (*underproduction*) yang biasa, terdapat beberapa struktur yang tidak banyak digunakan dalam bahasa sasaran lebih banyak digunakan oleh pelajar kerana mereka lebih yakin menggunakan struktur tersebut dan oleh kerana itu kejadian lebih penghasilan (*overproduction*) akan berlaku.

iii) Kesilapan Penghasilan (*Production errors*)

Di dalam pertuturan dan penulisan terdapat dua jenis kesilapan iaitu penggantian (*substitutions*) dan *calques*. Penggantian (*substitutions*) merujuk kepada penggunaan

bentuk bahasa ibunda dalam bahasa sasaran. Sementara *calques* pula ialah kesilapan yang terjelma sangat hampir dengan struktur bahasa ibunda seseorang pelajar.

iv) Kesilapan interpretasi (*Misinterpretation*)

Kesilapan interpretasi merujuk kepada keadaan di mana beberapa struktur dalam bahasa ibunda mempengaruhi interpretasi penyampaian (*message*) bahasa sasaran. Hal ini menyebabkan pelajar membuat kesimpulan tentang sesuatu yang berlainan maksud sebenar yang telah disampaikan.

1.7 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara keseluruhan berkaitan pemerolehan bahasa di mana fokus bertumpu kepada pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing. Pengkaji telah menjelaskan berkaitan proses dan situasi yang terpaksa dilalui oleh pelajar-pelajar bahasa dalam menguasai bahasa selain daripada bahasa ibunda mereka. Selanjutnya, pengkaji akan membuat sorotan kajian dalam bidang yang dipilih iaitu PN dalam pemerolehan BS di kalangan pelajar-pelajar Melayu di universiti tempatan.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan terlebih dahulu teori-teori dalam pemerolehan bahasa iaitu aspek-aspek yang berkaitan dengan fokus kajian iaitu pemindahan bahasa. Antaranya pemerolehan bahasa ketiga, *Cross linguistic influence*, gangguan bahasa, status faktor bahasa kedua (*L2 status factor*) dan lain-lain. Pengkaji juga akan memanfaatkan kajian yang berkaitan dari segi teori dan juga membuat perbandingan dapatan daripada kajian-kajian terdahulu. Seterusnya pengkaji akan memberikan huraian tentang sorotan kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini. Perbincangan ditumpukan kepada dapatan yang relevan dengan kajian ini.

2.1 Kajian pemerolehan bahasa

Dalam era globalisasi ini, bahasa ibunda bukan lagi bahasa utama yang dituturkan oleh seseorang. Contohnya seorang pelajar berbangsa Cina yang pasti bahasa ibunya ialah bahasa Mandarin, Kantonis, Hakka atau lain-lain dialek kadangkala lebih banyak menggunakan BI apabila bertutur dengan keluarga dan rakan-rakan. Dewasa ini, mempelajari lebih daripada dua bahasa bukan lagi perkara yang asing. Namun demikian, sewaktu mempelajari bahasa ketiga (B3), B2 lebih banyak mempengaruhi pemerolehan bahasa pelajar tersebut. Hal ini telah dinyatakan oleh Bardel dan Falk (2007) dalam kajian mereka. Cenoz (2003) menyatakan bahasa pemerolehan bahasa ketiga berkait rapat dengan kedwibahasaan dan juga pembelajaran B2. Sememangnya pemerolehan bahasa asing sangat berbeza dengan

pemerolehan B1. Begitu juga seterusnya bagi pemerolehan B2 dan juga B3 kerana terdapat beberapa aspek yang akan mempengaruhi pemerolehan bahasa tersebut. Pengaruh B2 terhadap pemerolehan bahasa asing khususnya pemerolehan B2 dan B3 telah dikaji oleh (Bardel, 2000, 2006; Bardel & Falk, 2007; Bohnacker, 2006; Falk, 2010; Leung, 2005 ; Sjögren, 2002). Pengkaji-pengkaji ini telah melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa ketiga.

Kajian tentang fenomena pemerolehan bahasa semakin berkembang selagi manusia berminat untuk mempelajari bahasa lain selain B1 mereka. Kajian pemerolehan bahasa merupakan satu bidang dalam bahasa yang melihat bagaimana pemerolehan fonologi, morfologi, sintaksis serta semantik menentukan kemahiran bercakap dan memahami sesuatu bahasa (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2004). Banyak kajian telah dijalankan dan pelbagai teori telah diutarakan bagi memperkembang lagi bidang linguistik khususnya bidang pemerolehan bahasa. Bermula dengan pemerolehan B1 (pemerolehan bahasa kanak-kanak) yang melihat bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa ibundanya. Hartman & Stork (1972); Gass dan Selinker (1994) merujuk B1 sebagai bahasa natif dan diperoleh melalui interaksi kanak-kanak dengan ahli keluarga dan juga komuniti dalam masyarakat sekeliling.

Seterusnya pemerolehan B2 pula ialah bahasa yang diperoleh selepas bahasa ibunda seseorang. Pemerolehan B2 juga biasanya merujuk kepada pembelajaran bahasa, yakni pada peringkat ini pemerolehan bahasa diperoleh secara formal dan tidak formal. Banyak pengkaji-pengkaji seperti Lado (1957), Corder (1967), Selinker (1972) dan Krashen (1979) mengutarakan kajian-kajian berkaitan dengan pemerolehan B2. Antara teori yang signifikan adalah Analisis Kontrastif, Analisis Kesilapan, Bahasa Antara dan Pemindahan Bahasa. Walau apa pun terma bagi teori yang pernah dikemukakan, kesemuanya saling berkaitan antara satu sama lain.

2.1.1 Analisis kontrastif

Analisis kontrastif merupakan kaedah yang digunakan untuk mencari perbezaan antara B1 dan bahasa sasaran. Lado (1957) merupakan antara pengkaji (*grammarians*) yang mempelopori pendekatan analisis kontrastif ini. Dalam teori ini struktur dalam satu bahasa dibandingkan dengan struktur bahasa lain. Kedua-dua bahasa yang dikaji akan dibandingkan berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan dari segi struktur tatabahasa, pembentukan ayat, leksikal dan sebagainya. Persamaan mahupun perbezaan antara kedua-dua bahasa akan memberi kefahaman kepada pelajar dalam mempelajari bahasa tersebut. Pendekatan ini dikemukakan bagi membantu guru-guru bahasa asing untuk mengatasi permasalahan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa. Lado (ibid) mengajukan kajian analisis kontrastif yang dilakukan bagi melihat aspek fonologi, struktur tatabahasa, kosa kata serta sistem penulisan.

Analisis kontrastif melihat persamaan dan perbezaan antara dua bahasa berdasarkan 3 tahap iaitu;

- makna
- bentuk
- pengelasan aspek dalam kedua-dua bahasa

2.1.2 Analisis kesilapan

Analisis kesilapan muncul pada tahun 1965. Banyak buku yang membincangkan tentang kesalahan-kesalahan pelajar dalam mempelajari bahasa. Pada awal tahun 1970-an, kajian mengenai bahasa antara berkembang dengan pantas dan kajiannya lebih tertumpu kepada analisis kesilapan (*error analysis*). Objektif utama kajian-kajian ini ialah untuk melihat sejauhmanakah proses psikolinguistik telah mengakibatkan berlakunya kesilapan tersebut dan

meninjau perkaitan di antara proses pembelajaran bahasa di dalam konteks sosial di mana bahasa tersebut dipelajari. Skop pengkajian bahasa antara semakin meluas di akhir tahun 1970-an. Fokus kajian berpindah kepada bahasa yang digunakan semasa interaksi guru dan pelajar bahasa kedua di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas (Sinclair dan Brazil, 1982).

Pengkaji menyorot kedua-dua teori yang pernah diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam membuat perbandingan antara dua bahasa berlainan. Hal ini demikian kerana asas kajian ini juga ialah membuat perbandingan bahasa dan melihat fenomena PN yang berlaku.

2.2 Teori Pemerolehan Bahasa Ketiga

Kajian pemerolehan bahasa ketiga merupakan kajian yang baru dalam bidang pemerolehan bahasa. Kajian dalam bidang ini telah dipelopori oleh Cenoz (2001), Ringbom (2001) dan Jessner (2008). Pemerolehan bahasa ketiga ditakrifkan sebagai;

“Third language acquisition refers to the acquisition of non-native language by learner who have previously acquired or are acquiring two other languages”.
(Cenoz, 2003: 71)

Terjemahan pengkaji;
[Pemerolehan bahasa ketiga merujuk kepada pemerolehan bahasa bukan natif oleh pelajar yang sebelumnya sudah memperoleh dua bahasa lain.]

Hal ini bermaksud B3 adalah bahasa yang diperoleh selepas pemerolehan B1 (bahasa ibunda) dan B2. Situasi ini juga turut berlaku kepada penutur dwibahasa yakni penutur yang mahir dalam dua bahasa yang kemudiannya belajar bahasa asing yang lain (bahasa ketiga). Cenoz (2001) menegaskan bahawa pemerolehan dan pembelajaran B3 berkait rapat dengan dua elemen penting iaitu pembelajaran B2 dan dwibahasa (*bilingualism*). Pemerolehan B3 berbeza dengan pemerolehan B2 melalui faktor

spesifik bahasa asing (*foreign language specific factor*) dan juga keutamaan pengetahuan B2. Sehubungan itu, Bardel dan Falk (2007) menegaskan bahawa pemerolehan B1, B2 dan B3 (juga seterusnya) adalah sangat berbeza kerana menurut mereka, pelajar B3 sudah memperoleh sekurang-kurangnya B2 dan mencapai tahap tertentu. Oleh itu pengetahuan ini memainkan peranan dalam pemerolehan bahasa asing B3.

Banyak kajian yang memfokuskan kepada pengaruh B1 dan B2 ke atas pemerolehan B3 antaranya (Ringbom, 1987, 2001; Mohle, 1989; Cenoz, 2001; Hammerberg, 2001). Banyak faktor dikenal pasti yang menyebabkan B1 dan B2 mempengaruhi pemerolehan B3 (Tremblay, 2006). Antara faktor tersebut ialah kecekapan (*proficiency*) B2 dan juga pendedahan (*exposure*) B2. Selain itu, faktor dalaman dan luaran juga turut mempengaruhi pelajar bahasa, (Zhilaing Liu, 2011). Bardel dan Falk (2007) pula menegaskan bahawa status bahasa kedua memberi impak terhadap pemerolehan B3.

Namun tidak semua pengkaji bersetuju bahawa sesuatu bahasa merupakan faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa yang lain terutama pengikut teori *innatist*. Mereka memegang prinsip bahawa B1 bukan faktor yang mempengaruhi proses pemerolehan B2. Corder (1967) menyatakan bahawa tiada asas perbezaan di antara pemerolehan B1 dan B2. Tambah beliau lagi pendedahan dan juga motivasi adalah mencukupi untuk memperoleh B2. Prinsip ini disokong oleh Krashen (1983) yang menegaskan bahawa fenomena dalam pemerolehan B2 tersebut hanyalah sebagai strategi '*pseudoacquisition nature*'. Beliau seterusnya memperkenalkan teori Bahasa Antaranya. Krashen (ibid) dan Coder (ibid) telah menghadkan kajian mereka kepada PN bahasa. Corder (1983:27) telah menyatakan bahawa

pengaruh bahasa ibunda telah menghalang, mencegah atau menjadikan lebih sukar pemerolehan beberapa ciri bahasa sasaran menjadi lebih sukar.

2.2.1 Pemindahan bahasa

Pemindahan bahasa ialah realiti proses pemerolehan bahasa. Pemindahan merujuk kepada pengaruh bahasa ibunda penutur dalam bahasa kedua yang dipelajarinya. Namun begitu pemindahan ini juga melibatkan B2 penutur dalam proses mempelajari bahasa asing. Contohnya seorang pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Perancis di Malaysia. Sewaktu mempelajari bahasa Perancis, pelajar ini akan terpengaruh dengan struktur BI yang merupakan bahasa keduanya selepas BM. Terdapat dua situasi yang melibatkan pemindahan bahasa iaitu pemindahan positif (PP) dan juga PN. PP berlaku apabila pengaruh daripada bahasa ibunda ataupun B2 menghasilkan struktur bahasa yang betul. Bukan itu sahaja, ciri-ciri persamaan yang terdapat dalam bahasa ibunda memudahkan pelajar untuk mengaplikasikannya ke dalam pemerolehan B2. Namun demikian, PN juga boleh menyebabkan penghasilan bahasa yang tidak betul. Hal ini demikian kerana ciri-ciri dalam bahasa yang baru dipelajari itu tiada dalam bahasa ibunda. PN dan PP ini banyak dipengaruhi oleh faktor leksikal yang dikenali sebagai *false friend* yang mungkin mempunyai bunyi serupa namun dari segi semantiknya dan fungsinya adalah berbeza. Menurut Powell (1998); Dulay, Burt & Krashen (1997) PP berlaku apabila struktur B1 wujud dalam bahasa kedua B2. Oleh itu, pemerolehan bahasa menjadi lebih mudah kepada pelajar bahasa. Sebaliknya PN pula berlaku apabila tiada kesejajaran antara B1 dan juga B2. Contohnya bagi BM dan BS, kedua-dua bahasa ini sangat berbeza baik dari segi pembentukan kata mahupun sintaksis. Dalam proses pemerolehan bahasa ini, pelajar menghadapi kesukaran dan melakukan kesilapan kerana dipengaruhi oleh struktur B1. Hal ini demikian kerana terdapat faktor-faktor yang menyebabkan PN ini berlaku.

Bardel dan Falk (2007) menyatakan terdapat pengaruh daripada B2 pelajar semasa mempelajari B3 malah B2 lebih mempengaruhi pelajar berbanding B1. Kenyataan Bardel dan Falk (ibid) adalah sama seperti definisi yang pernah diberi oleh Odlin (1989:27). Beliau mendefinisikan pemindahan bahasa sebagai “*the influence resulting from similarities and differences between the target language and any other language that has been previously acquired*” [pemindahan bahasa merupakan gangguan yang disebabkan oleh persamaan dan perbezaan di antara bahasa sasaran dan bahasa lain yang pernah diperolehi sebelum ini]. Contohnya bagi pelajar-pelajar Melayu yang menggunakan BI sebagai bahasa kedua, akan cenderung untuk melakukan pemindahan negatif daripada BI. Hal ini demikian kerana pelajar tersebut sudah mempunyai pengetahuan terhadap struktur BI yang mirip BS. Contohnya dari segi penggunaan kata hubung dan juga *false friends* iaitu perkataan BI yang mirip BS *servicio (toilet)* yang bukan bermaksud *service* seperti dalam bahasa Inggeris. PN wujud apabila tidak ada keselarasan makna di antara B1 dan B2. Oleh itu, perolehan struktur B2 baharu itu akan menjadi lebih sukar dan kesilapan mencerminkan struktur B1 yang akan dihasilkan (Powell 1998:2 dan Dulay, Burt & Krashen 1982: 97).

Dimensi pemindahan boleh berlaku melalui tulisan dan juga pertuturan. Ringbom (2001), De Angelis (2005) dan Ecke (2001) memfokuskan kepada pemindahan bahasa melalui penulisan. Manakala Dewaele (1998), Cenoz (2001), dan juga De Angelis dan Selinker (2001) melihat aspek pemindahan yang berlaku melalui pengucapan atau pertuturan. Aspek pemindahan yang berlaku sewaktu penutur ingin memperoleh dan menghasilkan kosa kata dalam B3 adalah melalui ialah peminjaman, *false friend*, *calques* dan perluasan semantik (Dentler, 2000).

Menurut Odlin (1989) pula ‘*Transfer is not simply interference*’. Kenyataan ini bermaksud pemindahan bukan sekadar merupakan gangguan. Gangguan yang dimaksudkan

adalah daripada bahasa ibunda. Contohnya ketidaktepatan penyebutan dalam B2 yang dipelajari menyerupai bunyi bahasa ibunda pelajar B2 tersebut. Namun Odlin (ibid) juga menegaskan bahawa pemindahan juga tidak selalunya merupakan pengaruh daripada bahasa ibunda. *Transfer is not always native language influence*, (Odlin, 1987:27). Hal ini bermaksud apabila dua individu mahir dua bahasa maka pengetahuan kedua-duanya boleh memberi kesan kepada pemerolehan B3. Istilah pemindahan dan juga gangguan (*transfer and interference*) agak sinonim. Hal ini kerana pemindahan merujuk kepada pengaruh B1 terhadap B2 baik dari segi positif mahupun negatif. Manakala, gangguan pula merujuk kepada aspek yang negatif. Hal ini dijelaskan oleh Weinrich (1953:1) iaitu;

Transfer is evidenced as those instances of deviances from the norms of either language which occur in a speech of bilinguals as a result with their familiarity with more than one language.

[Pemindahan dibuktikan seperti contoh-contoh penyelewengan dari norma-norma bahasa yang berlaku dalam pertuturan dwibahasa sebagai akibat kebiasaan mereka dengan lebih daripada satu bahasa.]

Krashen (1983:148) pula menyatakan;

Transfer can still be regarded as padding or the result of falling back on old knowledge, the L1 rule, when new language is lacking. Its cause may simply be having to talk before ready before the necessary rule has been acquired (Idem).

[Pemindahan masih boleh dianggap sebagai tambahan atau hasil perunduran kepada pengetahuan lama, peraturan B1, apabila kekurangan bahasa baharu. Puncanya mungkin disebabkan belum bersedia untuk bercakap sebelum peraturan yang diperlukan diperolehi]

Fenomena ini kebanyakannya berlaku kepada pelajar yang belajar bahasa asing. Apabila pelajar tidak tahu atau mengalami kekurangan kosa kata, mereka cenderung menggunakan pengetahuan bahasa yang sedia ada.

Dalam senario pembelajaran dan pemerolehan bahasa asing, pemindahan bahasa dapat digambarkan seperti berikut;

Pelajar menggunakan perkataan *false friend* antara BI dan BS iaitu *actualmente* (*present*) yang bermakna sekarang dalam BS untuk merujuk perkataan "*actually*" begitu juga *bizara* (*whiteboard*) bagi merujuk "*bizarre*". Selain itu, pelajar cenderung untuk menggunakan *la red* (*internet*) bagi merujuk perkataan warna merah (*red*). (contoh dipetik daripada kamus Bahasa Sepanyol Collin, 2007).

Sejak 20 tahun dahulu pengkaji bidang pemerolehan bahasa cenderung mengkaji pemindahan bahasa. Pendekatan baharu dalam pemindahan bahasa dimanifestasikan oleh kerja penyelidikan Kellerman dan Sharwood Smith (1986) yang berasal dari Eropah. Kellerman dan Sharwood telah menyatakan bahawa berlakunya fenomena *transfer to somewhere* atau *transfer to nowhere*. Kenyataan *transfer somewhere* dan *nowhere* bermaksud persamaan atau perbezaan antara B1 dan B2 sangat mempengaruhi pemerolehan B2. Tegas beliau, '*there can be transfer which is not licensed by similarity to the L2 and where the way the L2 works may very largely go unheeded*' (Kellermen, 1957: 137).

a) Pemindahan bahasa menurut Selinker

Selinker (1972) menyatakan '*language transfer is one of the processes of interlanguage construction and may play an important role in the development of an individual's interlanguage outside the scope of merely being a learning or communication strategy*' [Pemindahan bahasa ialah satu daripada proses pembinaan bahasa antara dan memainkan peranan penting dan perkembangan bahasa antara individu di luar skop dan menjadi sebahagian daripada pembelajaran atau strategi komunikasi]. Hal ini bermakna

dalam proses pembelajaran pasti akan berlaku fenomena pemindahan bahasa ini. Hal ini diakui oleh Murphy (2005);

'An interesting finding is that during L3 production, the language learner often unintentionally produces interlanguage forms that consist either partially or completely of L2 forms'.

[Penemuan menarik ialah sepanjang penghasilan B3, pelajar bahasa selalunya secara tidak sengaja menghasilkan bentuk bahasa antara yang mengandungi sama ada sebahagian atau sepenuhnya bentuk B2].

Contoh yang diberi oleh Murphy (2005) ialah *'Ils veulent gagner more, euh, plus...'* (*They want gain more*). *Plus* bermaksud *more* dalam BI. Ini menunjukkan pelajar telah membuat pemindahan dari segi kosa kata BI yang merupakan B2 pelajar dalam membentuk ayat bahasa Perancis. Seterusnya menurut Selinker lagi, dalam proses pemerolehan bahasa pemindahan boleh diklasifikasikan kepada;

- i) Pemindahan bahasa: beberapa item, peraturan, dan subsistem bahasa antara kemungkinan akan terbentuk daripada pemindahan bahasa ibunda
- ii) Pemindahan latihan: beberapa elemen bahasa antara kemungkinan akan terbentuk daripada sifat-sifat proses latihan yang digunakan untuk mengajar bahasa kedua.
- iii) Strategi pembelajaran bahasa kedua: beberapa elemen bahasa antara kemungkinan akan terbentuk daripada pendekatan berhubung bahan yang dipelajari.
- iv) Strategi-strategi komunikasi bahasa kedua: beberapa elemen bahasa antara kemungkinan akan terbentuk daripada cara manusia belajar berkomunikasi dengan penutur-penutur jati bahasa sasaran.

- v) Generalisasi berlebihan bahan linguistik bahasa sasaran: beberapa elemen bahasa antara kemungkinan terbentuk daripada generalisasi berlebihan tentang peraturan dan sifat semantik bahasa sasaran.

Hal ini dapat dijelaskan melalui gambarajah berikut:



Rajah 2.1: Rajah diadaptasi daripada Selinker (1972:77)

b) Pemindahan bahasa menurut Odlin

Pemindahan bahasa merupakan pengaruh dan peminjaman daripada bahasa ibunda terhadap pemerolehan B2 (Odlin, 1989). Menurut beliau bentuk (*former*) merupakan pemindahan asas manakala perkataan pula dikatakan sebagai pemindahan pinjaman. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Kellerman (1995) *transfer to somewhere and transfer to nowhere* yang menghasilkan persamaan dan perbezaan dari segi istilah dan makna kata. Hal ini disebabkan oleh '*the former refers to acquiring the means of linguistic expression while the latter relate to the conceptualization leading to the discovery of the those mean*' (ibid).

Pemindahan boleh dikelaskan kepada pemindahan positif, negatif dan kosong. Pemindahan positif merujuk kepada persamaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran yang boleh melancarkan pembelajaran bahasa tersebut. Pemindahan Positif berlaku apabila persamaan-persamaan di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran memudahkan pembelajaran. Walau bagaimanapun PN merujuk kepada pengaruh negatif pengetahuan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa sasaran akibat daripada perbezaan - perbezaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa tersebut. Odlin (ibid) juga menyatakan bahawa PN biasanya berlaku pada beberapa aspek terutamanya penyebutan dan tatabahasa.

Beliau telah menetapkan PN kepada;

- Kurang Penghasilan (*Underproduction*)
 - Lebih Penghasilan (*Overproduction*)
 - Kesilapan Penghasilan (*Production errors*)
 - Kesilapan Interpretasi (*Misinterpretation*)
- i) Kurang Penghasilan (*Underproduction*)

UP merujuk kepada struktur tertentu dalam bahasa sasaran yang sangat berbeza dengan bahasa ibunda. Hal ini menyebabkan pelajar menghasilkan sedikit sahaja *output* dalam bahasa sasaran. Bukan itu sahaja malah *output* yang dihasilkan juga terdapat banyak kesalahan. Oleh yang demikian pelajar akan mengelakkan untuk menggunakan struktur bahasa tersebut. Kesannya, pelajar akan menggunakan struktur yang lain daripada struktur bahasa yang dipelajari kerana mereka lebih selesa menggunakan struktur yang salah dari segi nahu. Fenomena seperti ini banyak berlaku terhadap bahasa yang sangat berbeza antara satu

sama lain contohnya bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Berikut merupakan fenomena dalam PN seperti yang dinyatakan oleh Odlin (1989:36),

ii) Lebih Penghasilan (*Overproduction*)

OP (*Overproduction*) pula berlaku apabila pelajar kerap menggunakan struktur tertentu dalam bahasa sasaran. OP merupakan akibat daripada UP. Dalam mempelajari B2 atau B3, pelajar mengelakkan untuk menggunakan struktur bahasa, bentuk dan perkataan bahasa yang dipelajari. Sebaliknya pelajar mengambil jalan mudah untuk menggunakan perkataan yang mereka rasakan betul. Hasilnya, pelajar menggunakan perkataan yang sama dalam setiap konteks (*overuse*) dan turut melakukan kesalahan tatabahasa. Hal ini demikian kerana pelajar mengelak untuk menggunakan struktur ayat yang lebih kompleks.

iii) Kesilapan Penghasilan (*Production errors*)

Menurut Odlin (1989) dalam penulisan mahupun pertuturan akan berlaku PE (*ProductionErrors*). Terdapat tiga jenis struktur dalam PE yang menyebabkan persamaan dan juga perbezaan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran iaitu penggantian, *calques* dan pengubahsuaian. Penggantian merujuk kepada kegunaan bentuk bahasa sumber (B1 atau B2) dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh *possible* dalam BS ialah *posible*, namun penutur BI yang mempelajari BS akan mengeja sebagai *possible*. Sementara itu *calques* pula adalah kesilapan yang dilakukan berkaitan dengan struktur dan aturan perkataan bahasa asal yang

mirip kepada bahasa sasaran. Contohnya dalam perkataan berikut yang dituturkan oleh penutur dwibahasa BS dan BI.

Vamos rápido a poner el fuego afuera

Lets quickly put the fire out

Ayat di atas menunjukkan penutur tersebut menggunakan struktur BI dalam ayat BS kerana dalam BS *put the fire out* ialah *extinguer el fuego*.

Penggantian dan *calques* merupakan kesalahan yang kerap dilakukan oleh penutur dwibahasa. Krashen (1983) mendefinisikan fenomena ini sebagai "*falling back on L1 rule*".


Pengubahsuaian pula berlaku apabila pelajar mengubahsuaikan struktur bahasa sasaran.

Contohnya pelajar bahasa Arab yang mempelajari BI menggantikan huruf b untuk p dalam ayat *playing* menjadi *blaying*. Tetapi pelajar tersebut menggunakan p di tempat yang tidak sewajarnya contohnya *hapit* (*habit*). Fenomena ini digelar sebagai *hypercorrection* oleh Odlin (ibid).

iv) Kesilapan Interpretasi (*Misinterpretation*)

Pelajar melakukan kesilapan dalam pembelajaran bahasa asing akibat daripada kesilapan menginterpretasikan kerana beberapa struktur dalam bahasa ibunda yang mempengaruhi mesej yang ingin disampaikan dalam bahasa sasaran. Salah faham ini disebabkan kesilapan persepsi dalam bahasa sasaran berikutan penyebutan dalam B1 atau B2. Kesalahan ini juga disebabkan oleh susunan perkataan yang berbeza antara B1 dan B2 atau B3.

Hal ini dapat dijelaskan melalui gambarajah berikut;



Rajah 2.2 : Aspek pemindahan positif dan negatif adaptasi daripada Selinker (1972:72)

Sungguhpun Pemindahan Positif memudahkan pembelajaran, namun begitu terdapat keadaan di mana persamaan-persamaan itu disalahertikan. Keadaan ini berlaku akibat keserumpunan (*cognates*) di mana perkataan yang serupa dalam bahasa-bahasa serumpun tetapi digunakan dalam konteks dan makna yang berbeza. Sebagai contoh Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia adalah dari rumpun yang sama tetapi mempunyai banyak perkataan yang berbeza makna dan konteks. Contohnya kapan dalam bahasa Indonesia bermaksud 'bila' manakala dalam bahasa Melayu kapan bermaksud kain yang digunakan untuk membaluti tubuh jenazah. Namun begitu dalam banyak keadaan persamaan-persamaan dalam bahasa terutamanya apabila kita membicarakan tentang subsistem sintaksis, fonologi dan morfologi akan membantu pelajar mencapai pengetahuan yang lebih baik dalam bahasa sasaran tersebut. Walau bagaimanapun dalam kajian ini pengkaji tidak menumpukan kajian

terhadap Pemindahan Positif sebaliknya terhadap PN. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis kekerapan kesilapan yang berlaku akibat Pemindahan Bahasa di mana pelajar-pelajar bahasa sasaran tersebut dapat memahami kesilapan dan menjangkakan kesilapan tersebut berdasarkan situasi.

Berdasarkan beberapa sarjana sebagai contohnya Takahashi (1984) dalam Calvo Cortés (2005) menyatakan kesilapan semantik lebih menonjol berbanding kesilapan sintaksis dan kesilapan ini jelas ditunjukkan dalam kerja-kerja terjemahan di mana pelajar-pelajar menterjemah secara literal. Hal ini akan menyebabkan kesilapan semantik akibat dari pemindahan dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Walau bagaimanapun Odlin (1993) menyatakan bahawa berdasarkan Thompson (1981) pemindahan *substratum* lebih ketara dari segi sebutan (dan juga dalam sintaksis) berbanding leksikal kerana ianya merupakan aspek yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar bahasa kedua selain pengaruh fonetik dan fonologi yang sangat terkesan berbanding subsistem bahasa lain. Odlin (1989:23) menyatakan bahawa:-

“Transfer can occur in all linguistic subsystems, including the morphological and syntactic one; and other influence besides transfer can effect all subsystems”. [Pemindahan berlaku

dalam semua subsistem linguistik termasuklah morfologi dan sintaksis dan pengaruh lain di samping pemindahan boleh memberi kesan kepada semua subsistem.]

Memandangkan kajian ini hanya menggunakan bentuk penulisan pelajar sebagai data utama kajian maka aspek fonologi tidak akan dianalisis walaupun terdapat kesilapan yang berkaitan dengan pengaruh fonologi. Bagi tujuan analisis data, kaedah kualitatif akan digunakan berpandukan pendekatan Odlin (ibid) bagi menganalisis hasil kerja penulisan pelajar. Memandangkan BS dan BM merupakan dua bahasa yang sangat berbeza dari segi sistem bahasanya, maka pelajar-pelajar dijangkakan akan banyak membuat kesilapan dan kesilapan-kesilapan tersebut akan dibezakan seperti berikut:-

1. Analisis Kesilapan leksikal

Pengelasan kata BS terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata sifat, kata adverba, kata ganti nama, preposisi dan *article*. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dari segi undang-undang dan prinsip pembentukan dan kegunaan kata. Analisis karangan dalam kajian ini akan melihat kepada kesilapan-kesilapan leksikal berikut secara praktikal:-

- i. Preposisi dan Objek Preposisi (*Prepositions and Prepositional Objects*)
- ii. Padanan (*Agreement*)
- iii. Kata Hubung (penyambung dan kata hubung)
- iv. Artikel dan Kata Ganti Nama (*Articles and Pronouns*)
- v. Kala Kata (*Tenses*)
- vi. Ejaan dan Kosa Kata (*Spelling and Vocabulary*)
- vii. Kesilapan-kesilapan Lain. (*Other mistakes*)

2.3 Perbandingan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol

2.3.1 Bahasa Melayu (BM)

BM merupakan keluarga bahasa Austronesia. Secara umumnya satu bahasa terdiri daripada struktur morfem, kata, frasa, klausa dan ayat. Asmah Haji Omar (2009) telah menjelaskan mengikut skala tatatingkat unit-unit nahu. Unit paling kecil ialah morfem manakala ayat pula terletak pada tingkat yang paling tinggi. Struktur ayat BM yang paling mudah atau lebih dikenali sebagai pola ayat dasar dapat dijelaskan seperti contoh ayat berikut:

“Dia membaca buku”.

Menurut Asmah Haji Omar (ibid) pola ayat dasar terdiri daripada Frasa Benda (FB) - Frasa Benda (FB) atau pun Frasa Benda (FB)-Frasa Kerja (FK). Setiap ayat mengandungi subjek dan juga predikat. Subjek merujuk kepada struktur dasar yang ditandai oleh suasana dan pokok perbincangan manakala predikat pula ialah unsur ayat yang menerangkan subjek.

2.3.2 Bahasa Inggeris (BI)

Terdapat banyak aspek dalam hukum tatabahasa bahasa Inggeris namun pembentukan ayat asas bahasa Inggeris pula terdiri daripada ayat yang mengandungi subjek, kata kerja dan objek (S-V-O), (Crystal, 2003). Ayat asas BI terdiri daripada Frasa nama dan juga frasa kerja.

Contohnya:

The children were laughing.
(Kanak-kanak sedang ketawa)

John wanted a new bicycle.
(John mahu basikal baharu)

All the girls are learning English.
(Semua budak perempuan sedang belajar bahasa Inggeris)

Ayat majmuk dalam bahasa Inggeris pula terdiri daripada dua atau lebih ayat;

Contohnya ;


*John shouted **and** everybody waved.*
*We looked everywhere **but** we couldn't find him.*

2.3.3 Bahasa Sepanyol (BS)

Ayat asas bahasa Sepanyol terdiri daripada subjek dan juga kata kerja.

Contohnya ;

***Pedro** trabaja en una biblioteca.*



- Subjek + kata kerja +adjektif

Yo soy bonita (I am beautiful).

Dalam pembelajaran bahasa Sepanyol pelajar perlu menguasai aspek-aspek tatabahasa asas.

Salah satu daripadanya ialah pembentukan kata kerja '*to be*' bahasa Sepanyol yang berbeza dengan BM dan BI. Hal ini bermaksud tidak semua kata kerja *to be* dalam BI boleh diterjemahkan sebagai SER (*to be*) BS. SER hanya boleh digunakan untuk ayat yang merujuk kepada kata sifat, warganegara dan juga merujuk kepada pekerjaan.

Hal ini dapat dijelaskan melalui jadual berikut;

Jadual 2.1: Pembentukan kata kerja *SER* (to be)

Subjek/ Pronoun		Kata kerja to be (SER)
Yo	I	soy
Tú	You singular informal	eres
Él	He	es
Ella	She	es
Usted	You, singular formal	es
Nosotros/as	we	somos
Vosotros	Plural informal	sois
Ustedes	You, plural, formal	son
Ellos	they (maskulin)	son
Ellas	They (feminin)	son

2.4 Sorotan Kajian Pemandahan Bahasa

Kajian pemerolehan bahasa semakin berkembang seiring dengan perkembangan kajian bahasa. Menelusuri sejarah kajian berkaitan, dua dekad yang lalu ianya bermula dengan kajian pemerolehan bahasa pertama sehingga pemerolehan bahasa kedua. Kini, seseorang tidak lagi boleh bertutur hanya dalam satu bahasa. Golongan ini juga dipanggil sebagai penutur dwibahasa. Bukan itu sahaja, seseorang juga mempelajari bahasa selain

daripada bahasa ibundanya disebabkan pelbagai motivasi tersendiri. Contohnya faktor minat, pendedahan terhadap bahasa tersebut di media massa secara meluas (contohnya bahasa Korea, Sepanyol dan Jepun), keperluan kerja dan lain-lain lagi.

Sanz (2000) telah mengemukakan kajian pemerolehan bahasa ketiga dalam konteks penutur dwibahasa. Kajian tersebut dicetuskan untuk membuktikan bahawa kemahiran dwibahasa boleh melancarkan pemerolehan B3. Responden kajian merupakan penutur Catalan dalam konteks pembelajaran bahasa Inggeris. Seramai 201 pelajar telah dipilih sebagai responden kajian (77 monolingual dan 124 dwibahasa) yang terdiri daripada 62% lelaki dan 38% perempuan. Namun demikian, jantina bukan pemboleh ubah utama dalam kajian tersebut. Kesemua responden perlu menyiapkan ujian dan juga soal selidik. Kesemua responden juga perlu menjalani ujian CELT (kecekapan bahasa Inggeris). Data dianalisis menggunakan pendekatan Cenoz dan Valencia (1994) bagi menilai hubungan antara kemahiran dwibahasa dan pemerolehan B3. Hasil kajian kuantitatif ini menunjukkan bahawa pendedahan dan motivasi menunjukkan pencapaian tertinggi. Namun kemahiran dalam B1 dan B2 juga menunjukkan kesan positif terhadap pemerolehan B3. Hal ini membuktikan bahawa dwibahasa lebih menunjukkan lebih kebaikan daripada mahir dalam hanya satu bahasa sahaja.

Bardel dan Falk (2007) banyak mengkaji tentang pengaruh B2 dalam pemerolehan B3. Menurut mereka B3 juga merupakan bahasa asing. Bardel dan Falk (2012) menyatakan bahawa banyak kajian-kajian sebelum ini yang memfokuskan kepada peranan B1 dalam pemerolehan B2. Namun menurut mereka, B2 mempunyai peranan yang lebih besar dalam pemerolehan B3. Hal ini telah dibuktikan dalam kajian Leung (2005), Bohnacker (2006), Rothman dan Cabrelli Amaro (2010) dan Falk dan Bardel (2011). Kajian-kajian ini telah menyentuh tentang status faktor B2. Bardel dan Falk (ibid) telah menyatakan bahawa faktor

status B2 merupakan antara faktor terpenting dalam pemerolehan B3. Terdapat beberapa faktor yang memudahkan atau menyukarkan pemerolehan bahasa antaranya dalam mempelajari kosa kata, leksikal serta sintaksis.

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang telah menyelidik tentang aspek PN dalam pemerolehan B3 pelajar (atau mungkin juga B2). Calvo Cortes (2005) dalam kajiannya telah melihat PN dalam mempelajari BS sebagai bahasa asing (B2). Kajian beliau telah menyelidik penggunaan bahasa penutur BI yang sedang mempelajari BS. Menurut Calvo Cortes (ibid) pemindahan positif melancarkan pemerolehan bahasa yang dipelajari melalui persamaan antara bahasa natif dan bahasa sasaran terutama bagi bahasa yang berasal dari rumpun yang sama. Kajian beliau dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama bagi menganalisis 55 penulisan karangan oleh wanita Inggeris berkaitan semua topik. Dalam menganalisis data, pengkaji tersebut telah mencerakinkan data mengikut aspek gramatikal antara BI dan BS yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Pada bahagian kedua pula pengkaji tersebut telah menganalisis kesilapan yang telah dilakukan oleh responden. Calvo Cortes (ibid) melaporkan bahawa PN terdapat dalam proses pembelajaran bahasa asing. Hal ini ditunjukkan oleh pelajar Inggeris tersebut sewaktu mempelajari BS. Kesilapan yang wujud melibatkan kebanyakan aspek-aspek yang terdapat dalam sub sistem bahasa iaitu sintaksis, morfologi, ejaan, dan juga perbendaharaan kata. Manakala aspek fonologi pula sukar dikesan melalui penulisan. Antara PN termasuklah struktur preposisi kerana pelajar telah menterjemahkan secara literal daripada ayat bahasa Inggeris. Selain itu, pelajar terdorong untuk menterjemahkan secara literal *subject agreement* atau *verb agreement* dalam penggunaan BS.

Seterusnya, kajian Zhiliang Liu (2011) melihat aspek PN dalam penulisan bahasa Inggeris bagi pelajar Cina. Kajian beliau adalah berbeza daripada kajian Calvo Cortes (2005)

kerana ianya melibatkan dua bahasa yang berbeza rumpun bahasa iaitu BI dan bahasa Cina yang sememangnya sangat berbeza antara satu sama lain. Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar bahasa ini adalah kerana BI bukan bahasa ibunda pelajar. Menurut beliau penulisan dijadikan bahan korpus kajian kerana penulisan merupakan sebahagian daripada pembelajaran bahasa. Beliau telah mengumpul data daripada 104 orang pelajar kolej yang rata-rata bukan penutur BI. Beliau telah membuat statistik kesalahan yang dilakukan mengikut sub-sistem dalam aspek tatabahasa seperti kata nama, kata kerja, adjektif dan adverba, kata hubung, kata ganti nama, artikel dan lain-lain. Analisis dibuat mengikut pendekatan Odlin (1989). Dapatan menunjukkan PN telah berlaku dalam penulisan pelajar Cina bagi semua aspek bahasa. Walaupun bahasa Cina dan Bahasa Inggeris(BI) mempunyai pengelasan kata yang sama contohnya kata nama, kata kerja, adjektif, kata adverba, kata ganti nama, kata hubung dan artikel, namun setiap bahasa berbeza dari segi rumus tatabahasa. Struktur bahasa Cina boleh menerima ayat yang tidak lengkap, manakala dalam BI struktur dan bentuk adalah sangat penting. Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar telah membuat kesilapan dari segi kosa kata dan ejaan kerana sudah pasti karakter Cina dan bahasa Inggeris sangat berbeza. Pelajar sukar untuk mengingat bentuk-bentuk kata terutama perkataan yang hampir sama. Selain itu pelajar mempunyai masalah dari segi penggunaan kosa kata. Hal ini demikian kerana, perbezaan kosa kata akan memberi kesan kepada PN. Zhonghua Yang (2009) telah menggariskan bahawa PN berlaku pada kolokasi dan pilihan kata. Pelajar juga bermasalah dalam menghasilkan struktur ayat yang betul. Hal ini kerana perbezaan antara struktur BI dan bahasa Cina. Beliau turut mendapati bahawa pelajar kerap menggunakan ayat yang mudah.

Huang Chuanjian (2010) juga melihat pemindahan dalam penulisan BI pelajar Cina namun kajian beliau memfokuskan kepada pemindahan positif. Huang Chuanjian (ibid) telah

mendapati kesilapan telah berlaku pada semua tahap dari leksikon ke ayat, ayat ke wacana dan juga budaya kepada cara berfikir. Bagi melancarkan pemindahan positif dan mengurangkan PN, pelajar telah diberi arahan yang tertentu. Kaedah pengajaran penting dalam penulisan. Sehubungan dengan itu, tenaga pengajar juga telah mempergunakan pemindahan positif dalam pengajaran BI. Menurut Huang (ibid) teori behaviourisme dan kognitivisme merupakan faktor penting dalam pemerolehan bahasa walaupun fokus yang berlainan. Dalam Pengajaran dan Pembelajaran, pemindahan positif merupakan proses yang mana bahasa ibunda memberi kesan kepada penulisan BI. Begitu juga dari segi pemerolehan dan kejayaan pemerolehan bahasa.

Salah satu faktor pemindahan bahasa baik secara positif mahupun dikaitkan dengan pengaruh silang linguistik. Isurin (2005) melihat pemindahan silang linguistik dalam aturan perkataan. Kajian beliau bersandarkan kepada dua perspektif iaitu sama ada silang linguistik menjadi penghalang kepada pemerolehan B2 atau silang linguistik mempengaruhi aturan B1. Kajian kes pertama beliau ialah kajian terhadap penutur bahasa Rusia yang lupa akan bahasa ibundanya. Kajian tersebut dilakukan terhadap seorang gadis Rusia berumur 9 tahun yang diambil sebagai anak angkat oleh keluarga berbahasa Inggeris di Amerika. Bahasa Rusia merupakan B1 subjek kajian. Dia pula tidak memahami BI manakala keluarga angkatnya pula tidak memahami bahasa Rusia. Dalam kajian tersebut Isurin (ibid) telah membahagikan tugas kepada tiga jenis iaitu ucapan separa spontan, menjelaskan gambar dan penceritaan (*story telling*) berdasarkan cerita *Little Riding Hood*. Data awal menunjukkan bahawa sepanjang tempoh sembilan bulan pemantauan terdapat perubahan dari segi aturan perkataan dalam B1 kerana didapati aturan perkataan telah dipengaruhi oleh B2 pelajar. Sementara itu kajian kedua beliau ialah terhadap 'lupa' (*forget*) pada B1 selepas pemerolehan B2. Kajian dilakukan terhadap 3 kumpulan kajian yang merupakan penutur bahasa Rusia. Penutur

dwibahasa Rusia/BI serta penutur dwibahasa BI/Rusia. Subjek berumur di antara 25-40 tahun. Kajian beliau menggunakan kaedah penceritaan secara separa spontan. Subjek dikehendaki membuat penceritaan berdasarkan gambar yang diberi. Hasil kajian menunjukkan penutur dwibahasa Rusia/Inggeris tidak menunjukkan perubahan dalam sistem aturan. Manakala kumpulan bahasa Inggeris/Rusia pula lebih konsisten dalam aturan perkataan.

Tremblay (2006) pula melihat faktor pengaruh silang linguistik dalam pemerolehan B3. Kajian beliau bertajuk '*Cross linguistic influence in third language acquisition: The role of L2 and L2 exposure*' mengkaji perbezaan antara pengaruh BI dan bahasa Perancis dalam penghasilan kosa kata bahasa Jerman sebagai B3. Kajian beliau juga menyelidik sama ada B2 yakni bahasa Perancis mempengaruhi pemerolehan B3. Selain itu, beliau telah membuat hipotesis tentang kecekapan dan pendedahan B2 merupakan penyumbang kepada pemerolehan B3. Seramai 13 orang penutur natif BI telah dijadikan responden kajian. Masing-masing berumur dalam lingkungan 13 hingga 25 tahun. Semua responden belajar bahasa Perancis sebagai B2 di sekolah. Responden telah dipecahkan kepada 3 kumpulan berdasarkan tahap kecekapan dan pendedahan dalam B2 iaitu;

- i) Kecekapan B2 kurang/kurang pendedahan B2
- ii) Kecekapan B2 tinggi/kurang pendedahan B2
- iii) Kecekapan B2 tinggi/pendedahan B2 banyak

Responden telah menjalani ujian kecekapan dan menjawab soal selidik bagi menetapkan klasifikasi kumpulan. Responden juga mempunyai tahap kecekapan B3 yang sama. Dapatan menunjukkan B1 lebih mempengaruhi pemerolehan B3 untuk kesemua kumpulan responden. Walau bagaimanapun, pengaruh silang linguistik ditemui dalam kumpulan responden dengan

kecekapan B2 tinggi/pendedahan B2 kurang. B1 merupakan sumber utama pengaruh silang budaya untuk kesemua kumpulan tersebut boleh dijelaskan melalui pelbagai faktor. Kecekapan B2 responden yang rendah merupakan kemungkinan yang rendah sebagai pengaruh silang budaya, faktor kedua tahap pengaktifan B1 dan B2 kerana temu ramah dijalankan di persekitaran B1 dan B1 digunakan dalam temu ramah tersebut. Ketiga, faktor jarak tipologi antara ketiga-tiga bahasa. Hal ini demikian kerana B1 lebih mirip B3 berbanding B2.

2.5 Kesimpulan

Banyak kajian yang dijalankan bagi melihat aspek-aspek pemindahan serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa baik dalam B2 mahupun B3. Kajian-kajian lepas diteliti bagi melihat sama ada terdapat persamaan atau perbezaan dalam kajian-kajian tersebut. Di samping itu, pengkaji akan menjadikannya sebagai panduan bagi membina kerangka kajian ini.


BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan Pengkaedahan.

Bab ketiga ini akan membincangkan bagaimana kajian ini dijalankan bermula dengan reka bentuk kajian hingga kepada cara data dianalisis. Penerangan juga akan dibuat bagi menjelaskan pemilihan reka bentuk kajian, responden kajian dan jenis instrumen kajian akan dijelaskan dalam bab ini. Seterusnya, cara kutipan data dan cara data dianalisis juga akan diterangkan bagi menjawab persoalan kajian seperti yang telah ditulis dalam bab 1.

3.1 Prosedur Kajian



Rajah 3.1: Prosedur Kajian

Menurut Mariyati Haji Mohd Nor (2008) antara kelemahan pelajar dalam penguasaan BS di peringkat universiti ialah kelemahan yang berpunca dari perbezaan yang wujud di

antara BS dengan bahasa ibunda pelajar dan juga gangguan bahasa kedua seperti BI dalam pembelajaran BS. Sebahagian daripada masalah ini sebenarnya merupakan masalah yang berkait dengan PN pelajar dalam pembelajaran BS. Kesukaran paling nyata bagi pelajar Melayu dalam pembelajaran BS ialah perbezaan struktur BS dan BM yang mendorong mereka melakukan PN dan seterusnya pengaruh B2 iaitu BI dalam penguasaan BS. Masalah yang seringkali diperhatikan oleh pengkaji ini telah mendorong dan menarik minat pengkaji bagi menyelidik fenomena PN yang berlaku dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya PN di kalangan pelajar di UPSI dalam pemerolehan BS.

3.2 Rekabentuk Kajian.

Reka bentuk kajian bagi kajian ini ialah kaedah campuran (*mixed-method*) di mana pengkaji akan menggunakan analisis statistik mudah bagi melihat frekuensi dan peratusan jumlah jenis PN dalam karangan BS pelajar dan juga bagi mengira peratusan persepsi pelajar terhadap penggunaan BS. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif bagi memberikan huraian berkaitan kejadian (*occurrence*) PN dalam karangan pelajar dan melihat perbezaan PN yang berlaku sama ada dari BM atau BI. Data primer bagi kajian ini ialah daripada penulisan pelajar tentang diri sendiri (*A mi mismo*) (*about myself*) dalam BS. Selanjutnya bagi melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan BM atau BI, soal selidik akan diedarkan kepada pelajar selepas mereka menghantar karangan mereka. Set soal selidik yang digunakan merupakan soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai dari Child (2013). Justifikasi pemilihan mengenal pasti item dalam pembinaan soal selidik mewakili setiap dimensi untuk mengekalkan keaslian item. Ini bertepatan dengan kaedah yang digunakan oleh ramai pengkaji dengan meletakkan asas pembinaan item kepada model dan pendapat pakar. Selain itu juga kesahan pakar yang dirujuk dalam gagasan dan kandungan bersesuaian dengan pendapat Gable dan Wolf (1993) dengan mencadangkan penilaian kandungan

hendaklah berbentuk positif dan negatif. Kesahan kandungan pula dijalankan untuk memastikan item yang dibina mewakili konstruk yang di senarai oleh Noraini Idris (2010) dan Sidek Mohd.Noah (2002).

3.3 Responden Kajian

Sampel untuk kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar UPSI yang mempelajari BS Tahap 1 sebagai kursus elektif. Seramai 30 orang pelajar Melayu dipilih bagi sebagai responden. Pemilihan 30 orang pelajar ini bertepatan dengan saranan Mason (2002) yang menyatakan bahawa responden yang dipilih perlulah merangkumi beberapa keperluan iaitu memenuhi persoalan kajian, kesediaan untuk bekerja sama atau ditemu bual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Hal ini bertujuan untuk memastikan maklumat yang diperoleh berupaya menjawab persoalan kajian. Saranan Mason (2002) ini juga selari dengan pendapat Miles dan Huberman (1984) yang menyatakan bahawa pengkaji perlu menentukan had sempadan dalam memilih responden kajian iaitu dengan mengambil kira batasan masa, kebenaran untuk akses ke tempat kajian dan responden kajian haruslah berupaya menjawab persoalan kajian dengan memberikan maklumat terperinci dan mendalam. Berdasarkan pandangan dan kriteria oleh Mason (2002), Miles dan Huberman (1984) serta berdasarkan populasi pelajar yang mengambil kursus bahasa Sepanyol Tahap 1 berjumlah 30 orang responden, pengkaji berpendapat adalah memadai untuk kajian ini. Selain itu pengkaji juga menetapkan untuk memilih pelajar-pelajar Melayu sahaja dan bukan dari kalangan pelajar-pelajar dari etnik kaum lain seperti Cina, India, Pribumi dan lain-lain kerana bersesuaian dengan kehendak persoalan kajian iaitu untuk melihat PN dari kalangan pelajar Melayu. Tambahan pula pemilihan pelajar Melayu bagi tujuan kajian ini sudah memadai bagi memenuhi kehendak kajian.

3.4 Instrumen Kajian

Dalam sesuatu kajian instrumen juga memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini demikian kerana dengan instrumen kajian yang baik barulah objektif kajian akan tercapai. Dalam kajian ini, 2 instrumen yang digunakan ialah karangan pelajar dan juga soal selidik.

3.4.1 Karangan Pelajar

Untuk kajian ini pengkaji akan memberikan latihan berbentuk karangan kepada responden. Pelajar diminta menulis karangan tentang diri sendiri pada minggu ke 12 pembelajaran BS. Pada minggu 12 tersebut pelajar telah pun mengikuti pembelajaran selama lebih kurang 11 minggu iaitu selama 2 jam seminggu. Pelajar dijangkakan akan dapat membina ayat-ayat mudah tentang diri sendiri kerana kesemua sukatan pelajaran untuk Tahap 1 telah pun dipelajari. Sukatan pelajaran untuk Tahap 1 ini berkisar kepada situasi komunikasi mudah tentang diri sendiri, kata kerja asas bagi menerangkan sesuatu dalam BS iaitu kata kerja '*SER*' dan '*ESTAR*' (*to be*) dan '*TENER*' (*to have*). Selain itu pelajar juga di dedahkan dengan konjugasi mudah BS Kala Kini (*Present Tense*).

Sebelum kajian dijalankan pengkaji mendapatkan persetujuan pelajar terlebih dahulu agar data daripada karangan dapat digunakan sebagai penambahbaikan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) bahasa Sepanyol secara khusus. Namun begitu tujuan sebenar pengkaji untuk melihat PN yang berlaku dalam penulisan pelajar tidak diterangkan bagi mengelakkan data yang disengajakan. Penyediaan karangan dilakukan dalam waktu kuliah BS sebagai latihan bagi menghadapi peperiksaan sebenar. Waktu yang diperuntukkan kepada pelajar ialah setengah jam dan oleh kerana kosa kata pelajar Tahap 1 ini masih agak terhad pengkaji hanya menghadkan karangan kepada 150 hingga 200 patah perkataan sahaja bagi setiap karangan.

3.4.2 Soal Selidik

Selain pungutan data daripada karangan pelajar, pengkaji juga menggunakan soal selidik bagi menyokong dan mendapatkan lebih banyak maklumat dalam menjawab soalan kajian ketiga (rujuk lampiran 3). Soal selidik mengandungi soalan yang berkaitan latar belakang, persepsi terhadap penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS. Sebanyak sepuluh soalan yang terdiri daripada 3 soalan tertutup dan tujuh soalan terbuka diberikan untuk dijawab oleh pelajar. Soalan-soalan tersebut secara asasnya adalah tentang penggunaan BM atau BI dalam mempelajari BS. Soal selidik terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A untuk maklumat demografi pelajar seperti jantina, tahap penguasaan bahasa dan pencapaian dalam MUET pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala bahagian B pula ialah soalan-soalan berkaitan penggunaan dan persepsi pelajar dalam pembelajaran BS. Sebelum soal selidik sebenar diedarkan pengkaji terlebih dahulu telah menguji set soalan soal selidik dengan melakukan kajian rintis terhadap pelajar-pelajar pada semester sebelum soal selidik sebenar diedarkan. Tujuan kajian rintis ini dijalankan agar dapat memberi panduan awal kepada kajian sebenar bagi mengesan kelemahan-kelemahan yang membawa kepada kegagalan kajian. Selain itu ianya juga bertujuan untuk penambahbaikan soal selidik itu sendiri. Contohnya adakah soalan soal selidik tersebut mudah difahami atau tidak.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data bermula dengan pengumpulan 30 buah karangan dan soal selidik dari pelajar-pelajar Tahap 1 BS di UPSI pada minggu ke- 12 pembelajaran. Prosedur pengumpulan data dari karangan pula bermula apabila pengkaji menjalankan proses pengekodan kesilapan. Setiap karangan pelajar disemak dan dilabel dan setiap karangan pelajar yang dijadikan responden akan dilabel bermula dari responden 1 hingga responden

30 bagi menjaga kerahsiaan mereka. Seterusnya semua kesalahan pelajar akan dicatatkan dan dikategorikan mengikut tujuh jenis kesilapan berdasarkan Calvo Cortés (2005) iaitu kesilapan dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi (POP), Padanan (P), Kata Hubung (KH), Artikel dan Kata Ganti Nama (AKGN), Kata Kerja (KK), Ejaan dan Kosa Kata (EKK) dan Lain-lain Kesilapan (LLK).

Proses seterusnya ialah proses mengenal pasti PN dalam karangan pelajar. Proses ini sangat penting kerana bukan semua jenis kesilapan ialah PN dan pengkaji telah menggunakan khidmat seorang *inter-rater* dalam proses ini. *Inter-rater* merupakan seorang pensyarah kanan berkelulusan Doktor Falsafah dari UPM yang bertugas di Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Sepanyol) dari Universiti Malaya, memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Bahasa Moden juga dari Universiti Malaya dan juga memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik Bandingan Terapan daripada Universiti Putra Malaysia. Selain itu dalam bahasa Sepanyol pula beliau memiliki diploma Bahasa dan Budaya yang diperoleh daripada 2 buah universiti di Sepanyol iaitu Universiti Salamanca dan Universiti Santiago de Compostela. Pengkaji dan *inter-rater* telah duduk berbincang dalam menentukan PN yang berlaku dalam penulisan pelajar. Terdapat keadaan di mana pengkaji dan *inter-rater* tidak dapat mengenal pasti kesilapan tersebut sebagai PN dan oleh kerana itu kesilapan itu tidak akan dikira sebagai PN.

Bagi proses pengumpulan data soal selidik pula, pengkaji telah mengedarkan satu soal selidik kepada pelajar-pelajar selepas mereka selesai membuat karangan. Kesemua soal selidik dikumpul dan di analisis bagi melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS. Bagi pelajar-pelajar Melayu yang dipilih sebagai responden kajian ini, makluman awal telah diberikan bahawa karangan dan soal selidik mereka akan


dijadikan sebagai data kajian. Surat persetujuan menjalankan kajian juga telah diedarkan kepada pelajar-pelajar tersebut (rujuk lampiran 2)

3.6 Analisis data

Kesemua data yang diperoleh daripada penulisan karangan dan soal selidik disusun dan dianalisis bagi menjawab objektif kajian.

3.6.1 Data dari karangan.

Proses analisis data karangan bermula dari pembahagian kategori kesilapan yang diadaptasi dari Calvo Cortés (2005:243).



Rajah 3.2 : Kerangka analisis data

Jadual 3.1 Contoh Analisis Kesilapan Karangan Pelajar Berdasarkan Calvo Cortés (2005).

Jenis Pemindahan Negatif	Terjemahan
<p>Preposisi dan Objek Preposisi</p> <p><i>(En) Penang yo vivia en el Parque de Taman Sepadu, T Gelugur</i></p>	<p>Di Penang saya tinggal di Taman Sepadu, T Gelugur</p>
<p>Padanan</p> <p><i>Dos chico(s) y una chica que estudia en SMK Tasek Gelugur.</i></p>	<p>Dua lelaki dan seorang perempuan yang belajar di SMK Tasek Gelugur</p>
<p>Kata Hubung</p> <p><i>(En) conclusión, me encanta a mi familia y mi carrera como estudiante en UPSI</i></p>	<p>Kesimpulan, saya menyayangi keluarga dan kerjaya sebagai pelajar di UPSI.</p>
<p>Artikel dan Kata Ganti Nama Diri</p> <p><i>Mi padre es <u>un</u> profesor, mi madre también es <u>una</u> profesora.</i></p>	<p>Ayah saya ialah seorang guru, ibu saya juga ialah seorang guru.</p>
<p>Kata Kerja</p> <p><i>Universiti Pendidikan Sultan Idris <u>están</u> situados en el estado de Perak</i></p>	<p>Universiti Pendidikan Sultan Idris terletak di dalam negeri Perak</p>

Ejaan dan Kosa Kata

*Tomé cursos de Licenciatura en
Ciencias de la Educación de **Coaching***

Saya mengambil
kursus Pendidikan
Sains kejurulatihan

Lain-lain Kesilapan

*Se encuentra cerca de la **cabeza limite***

Ianya terletak
berhampiran dengan
Kepala Batas

Seperti dalam jadual 3.1 di atas setiap kesalahan pelajar dicatatkan mengikut jenis kesilapan. Setiap kesilapan juga telah di terjemahan ke dalam BM dan bagi PN dari BI juga telah diterjemah ke BI. Setiap kesilapan diberikan nombor berturutan. Jika terdapat keadaan di mana ayat atau perkataan yang sama tetapi dalam kategori berlainan nombor turutan baru akan diberikan. Sebagai contoh dalam ayat *Universiti Pendidikan Sultan Idris están situados en el estado de Perak*. Nombor turutan pertama akan diberikan bagi jenis kesilapan POP iaitu *Universiti (de) Pendidikan (de) Sultan Idris* kerana kesalahan meninggalkan preposisi *de* seterusnya nombor turutan kedua seterusnya akan diberikan dalam jenis kesilapan KK, *Universiti Pendidikan Sultan Idris están situados en el estado de Perak* kerana kesalahan penggunaan KK dan nombor urutan ketiga seterusnya bagi jenis kesilapan EKK *Universiti Pendidikan Sultan Idris están situados en el estado de Perak*. Bagi kata nama khas seperti Sultan Idris pula tidak akan dikira sebagai kesilapan.

Bagi menandakan kesilapan dalam karangan pelajar pula, pengkaji akan menggunakan penanda kurungan (*parenthesis*) bagi menandakan penggunaan preposisi atau perkataan yang sepatutnya digunakan oleh pelajar seperti contoh (*de*) dalam ayat di atas manakala bagi kesilapan penggunaan perkataan atau preposisi pula pengkaji akan menggunakan huruf hitam

(*bold*). Sementara penanda garisan bawah (*underline*) pula bermaksud kesilapan preposisi atau perkataan yang sepatutnya tidak diletakkan di situ.

Data dari karangan seterusnya akan dikenal pasti bagi menentukan terdapat kejadian PN dari BM atau BI. Dalam proses pengenalpastian PN ini, pengkaji mesti mengambil kira bahawa PN tidak sama bagi kedua-dua jenis bahasa. Oleh sebab tujuan kajian ini untuk melihat PN sama ada dari BM atau BI maka pengkaji akan memastikan frasa atau ayat yang telah dikenal pasti mempunyai unsur persamaan dari salah satu bahasa iaitu sama ada dari BM atau dari BI. Terdapat keadaan di mana struktur BS pelajar dipengaruhi oleh kedua-dua BM dan BI maka kejadian tersebut tidak dapat di ambil kira sebagai PN. Terdapat juga keadaan di mana struktur BM dan BI adalah sama tetapi struktur BS yang berlainan. Sebagai contoh dalam ayat:-

Mi padre es un profesor, mi madre también una profesora.

Ayah saya ialah seorang guru, ibu saya juga ialah seorang guru.

My father is a teacher, my mother is also a teacher.

Dalam ayat ini pengkaji telah mengenal pasti bahawa pelajar telah dipengaruhi oleh sama ada BM dan BI kerana kedua-dua bahasa menggunakan artikel seorang atau *a* tetapi dalam BS penggunaan artikel *a* bagi menunjukkan pekerjaan adalah salah dari segi tatabahasa kecuali jika disertai dengan kata sifat di hujung ayat. Sebagai contoh:-

Mi padre es un profesor

Ayah saya ialah seorang guru

} Ayat ini tidak memerlukan artikel dalam tatabahasa BS.

My father is a teacher

Mi padre es un profesor excelente

Ayah saya seorang guru yang hebat

My father is an excellent teacher

Artikel hanya disertakan sekiranya kata
nama telah ditetapkan (*determined*),

Bagi memastikan kewujudan unsur-unsur persamaan dan perbezaan dari kedua-dua bahasa ini pengkaji menggunakan simbol positif (+) jika terdapat persamaan dan simbol negatif jika terdapat unsur-unsur perbezaan antara BM, BI dan BS. Hanya ayat yang mempunyai satu unsur (+) dan satu unsur (-) sahaja yang akan dikenal pasti sebagai PN.

Jadual 3.2 Contoh proses mengenal pasti PN dalam karangan pelajar


	Jenis Kesilapan	Unsur +/-		PN
		BM	BI	
	Preposisi dan Objek Preposisi			
1.	<i>(En) Penang yo vivía en el Parque de Taman Sepadu, T. Gelugur</i>	+	+	-
	Padanan			
3.	<i>Dos chico(s) y una chica que estudia en SMK Tasek Gelugur.</i>	-	+	BM
	Artikel dan Kata Ganti Nama Diri			
7.	<i>Mi padre es <u>un</u> profesor, mi madre también es <u>una</u> profesora</i>	-	-	-
	Ejaan dan Kosa Kata			
12.	<i>Tomé cursos de Licenciatura en Ciencias de la Educación de Coaching</i>	-	+	BI

Bagi ayat 1 pengkaji mendapati tidak terdapat perbezaan dari kedua-dua bahasa kerana dalam BM dan BI penggunaan preposisi digunakan pada permulaan ayat. Oleh itu kedua-dua bahasa adalah berunsur positif (+) dan tidak terdapat PN dari sama ada BM atau BI. Bagi ayat 3 terdapat perbezaan dalam penambahan jumlah bilangan jamak dalam BM yang berbeza dengan struktur BI iaitu penambahan *-s* bagi leksikal *chico*. Unsur ini telah dikenalpasti sebagai unsur negatif (-) dari BM dan positif (+) dari BI maka kejadian PN telah berlaku di situ. Bagi ayat 7 kedua-dua bahasa BM dan BI menunjukkan unsur yang tidak sama dengan BS kerana dalam BS penggunaan artikel seorang atau *a* tidak diperlukan bagi menyatakan pekerjaan secara langsung. Sebagai contoh *I am a fireman* akan diterjemah ke dalam BS sebagai *Yo soy bombero (I am fireman)* sahaja dan bukannya *Yo soy un bombero (I am a fireman)*. Dalam kejadian ini maka unsur negatif (-) diletakkan bagi kedua-dua bahasa BM dan BI dan tiada kejadian PN telah berlaku di situ. Bagi ayat 12 pula terdapat unsur positif (+) kerana penggunaan leksikal BI dan tiada unsur (-) dari BM maka kejadian PN ialah dari BI.

Bagi menjawab soalan kedua pula pengkaji menggunakan perkiraan statistik mudah bagi melihat perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM dan BI. Pengkaji akan mempersembahkan setiap dapatan menggunakan carta pai dan juga carta bar bagi menjelaskan jumlah setiap jenis PN.

Seterusnya, pengkaji akan menggunakan klasifikasi jenis PN Odlin (1989) bagi membuat kesimpulan bagi setiap PN yang berlaku dalam penulisan pelajar-pelajar Melayu ini. Odlin (1989) telah mengklasifikasikan akibat (*consequences*) PN kepada 4 klasifikasi iaitu Kurang Penghasilan (*Underproduction*), Lebih Penghasilan (*Overproduction*), Kesilapan Penghasilan (*Production Errors*); yang terdiri daripada penggantian (penggunaan bentuk bahasa ibunda dalam bahasa sasaran), *calques* dan pengubahsuaian struktur dan

seterusnya Kesilapan Interpretasi (*Misinterpretation*). Setiap jenis kesilapan dalam kategori yang berlainan akan disenaraikan semula mengikut klasifikasi Odlin (1989) bagi melihat dalam klasifikasi iaitu PE, UP, OP dan MI.



Rajah 3.3 : Klasifikasi jenis PN berdasarkan Odlin (1989: 36-37)

Bagi menganalisis klasifikasi jenis PN yang telah berlaku dalam dalam penulisan karangan pelajar pula pengkaji akan menyenaraikan semua jenis PN dari kedua-dua bahasa iaitu BM dan BI berdasarkan klasifikasi jenis PN Odlin (1989). Semua jenis kesilapan akan dicerakinkan semula ke dalam klasifikasi jenis sama ada dari klasifikasi jenis PE, UP, OP atau MI tanpa melihat kepada perbezaan jenis dan bahasa. Semua jenis kesilapan yang berbentuk pengurangan seperti pengguguran penggunaan preposisi, artikel, kata ganti nama dan kata kerja dimasukkan dalam klasifikasi jenis UP. Hal ini demikian kerana menurut Odlin (1989) UP merujuk kepada pelajar akan menghasilkan terlalu sedikit atau langsung tiada contoh struktur bahasa sasaran. Sebagai contoh dalam ayat:-

Universiti Pendidikan Sultan Idris *están situados en el estado de* Perak. Pelajar dikenalpasti menghasilkan terlalu sedikit struktur BS kerana meninggalkan preposisi *de* bagi

kata nama khas *Universidad (de) Educación (de) Sultan Idris*. Seterusnya pelajar telah menggunakan kata kerja yang salah (*están*) iaitu kata kerja jamak bagi merujuk kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan seterusnya pelajar melakukan kesilapan kerana tidak menterjemah leksikal universiti dan pendidikan kepada BS, manakala Sultan Idris tidak perlu diterjemahkan kerana merupakan Kata Nama Khas. Ayat yang sepatutnya ditulis oleh pelajar ialah *Universidad (de) Educación (de) Sultan Idris está situado en el estado de Perak*.

Selanjutnya klasifikasi jenis OP pula menurut Odlin (1989) ialah apabila pelajar kerap menggunakan struktur tertentu dalam bahasa sasaran. OP merupakan akibat daripada UP. Dalam mempelajari B2 atau B3 pelajar mengelak untuk menggunakan struktur bahasa, bentuk dan perkataan bahasa yang dipelajari. Sebaliknya pelajar mengambil jalan mudah untuk menggunakan perkataan yang mereka rasakan betul, hasilnya pelajar menggunakan perkataan yang sama dalam setiap konteks (*overuse*) yang menyalahi aspek-aspek gramatikal bahasa. Contohnya dalam bahasa Sepanyol perkataan *en* yang digunakan dalam setiap konteks ayat.

Selain itu, Menurut Odlin (1989) dalam penulisan mahupun pertuturan akan berlaku PE. Terdapat tiga jenis struktur dalam PE yang menyebabkan persamaan dan juga perbezaan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran iaitu penggantian, *calques* dan pengubahsuaian. Seterusnya pelajar melakukan kesilapan dalam pembelajaran bahasa asing akibat daripada kesilapan menginterpretasikan kerana beberapa struktur dalam bahasa ibunda yang mempengaruhi mereka sewaktu menginterpretasikan mesej yang ingin disampaikan ke dalam bahasa sasaran. Salah faham ini disebabkan oleh kesilapan persepsi dalam bahasa sasaran berikutan penyebutan dalam B1 atau B2. Kesalahan ini juga disebabkan oleh susunan perkataan yang berbeza antara B1 dan B2 atau B3. Pengkaji akan menyenaraikan kesemua jenis PN dalam setiap jenis klasifikasi Odlin (ibid) ini dan seterusnya membuat penghuraian

bagi setiap jenis klasifikasi tersebut. Carta bar akan digunakan bagi menunjukkan jumlah keseluruhan PN dari kedua-dua BM dan BI.

3.6.2 Data Soal Selidik

Data soal selidik akan dipersembahkan juga dalam bentuk jadual. Setiap jawapan pelajar untuk setiap soalan akan ditandakan dengan tanda betul (√) seperti mana yang telah dijawab oleh pelajar tersebut di dalam soal selidik. Bagi soalan 1 hingga soalan 3 yang merupakan soalan berpandu, data akan dikira berdasarkan peratus dan kekerapan manakala bagi soalan 4 hingga soalan 10 semua jawapan dan persepsi pelajar tersebut akan dibincangkan dalam bab yang berikutnya bagi tujuan penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol. Untuk soalan 1 hingga 3 pelajar boleh menandakan lebih dari satu jawapan yang dirasakan bersesuaian.

Jadual 3.3 Cara Analisis Data Soal Selidik

1. Di dalam kelas BS bahasa apakah yang anda gunakan sebagai bahasa rujukan?	Hanya BI	Kebanyakannya BI	Kedua-duanya	Kebanyakannya BM	Hanya BM	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
2. Dari aspek apakah BM membantu anda mempelajari BS? Anda boleh menandakan lebih daripada satu petak.	Kosa kata	Penyebutan	Pertuturan	Penulisan	Tatabahasa	Lain-lain
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

3. Dari aspek apakah BI membantu anda mempelajari BS? Anda boleh menandakan lebih daripada satu petak.	Kosa kata	Penyebutan	Pertuturan	Penulisan	Tatabahasa	Lain-lain
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

4. Pada pendapat anda BS lebih mudah dipelajari dalam BM atau BI? Mengapa?

5. Dalam ayat anda sendiri, huraikan aspek BS yang sukar diperolehi? Nyatakan secara lengkap

6. Selain BM dan BI apakah bahasa lain yang membantu anda dalam mempelajari BS

7. Apakah kebaikan dan keburukan mempelajari BS dalam BM?

8. Apakah kebaikan dan keburukan mempelajari BS dalam BI

9. Bahasa apakah yang banyak membantu anda dalam penulisan BS?

**10.
Bagaimanakah
ianya
membantu
anda dalam
penulisan BS**

Bagi analisis data soal selidik ini, pengkaji akan membuat kiraan secara peratusan dan menggunakan carta pai bagi mempersembahkan dapatan.

3.7 Kesimpulan

Di dalam bab ini pengkaji telah menerangkan rasional pemilihan topik kajian dan juga pemilihan sampel kajian. Pengkaji juga telah menghuraikan prosedur dan kaedah yang digunakan bagi mengumpul dan menganalisis data. Di dalam bab yang berikutnya pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dapatan dan analisisnya.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.0 Pengenalan.

Dalam bab ini pengkaji menjelaskan bagaimana data yang telah dikumpul melalui karangan dan soal selidik dianalisis bagi menjawab soalan kajian. Pengkaji telah memberi pengkelasan terhadap jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam karangan BS kepada tujuh jenis kategori kesilapan mengikut Calvo Cortés (2005) iaitu Preposisi dan Objek Preposisi (*Prepositions and Prepositional objects*), Padanan (*Agreement*), Kata Hubung (*Connectors and Conjunctions*), Artikel dan Kata Ganti Diri (*Articles and Pronouns*), Kala Kata (*Tenses*), Ejaan dan Kosa kata (*Spelling and Vocabulary*) dan Kesilapan-kesilapan lain (*Other mistakes*). Selepas proses pengekodan kesilapan ini, pengkaji dan *inter rater* akan berbincang bagi menentukan jenis kesilapan yang dikenalpasti sebagai PN dan sama ada PN tersebut dari B1 pelajar (BM) atau dari B2 pelajar (BI).

4.1 Dapatan kajian secara keseluruhan.

Dapatan keseluruhan kajian mendapati sememangnya pelajar yang sedang dalam proses pemerolehan bahasa cenderung melakukan pemindahan bahasa dalam penulisan mereka. Menurut Calvo Cortés (2005) dalam kajiannya pemindahan bahasa berkait dengan beberapa aspek lain seperti jenis bahasa, perhubungan di antara bahasa-bahasa tersebut, konteks dalam proses pembelajaran yang berlaku dan juga umur pelajar. Dalam kajian ini pengkaji melihat perkaitan di mana PN kerap berlaku apabila bahasa ibunda atau bahasa kedua pelajar mempunyai banyak persamaan dengan bahasa sasaran. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Calvo Cortés (ibid) di mana dapatan menunjukkan bahawa PN yang berlaku dalam penulisan karangan pelajar-pelajar Melayu adalah lebih banyak dari BI berbanding

BM. Hal ini berkait dengan faktor-faktor persamaan antara BI dan BS yang merupakan bahasa dari rumpun yang sama manakala BM pula dari rumpun yang berlainan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah PN dari BI adalah lebih banyak dari POP, KH, KK, EKK dan LLK. Terdapat satu jenis PN yang jumlah BM lebih banyak dari BI iaitu PN dari jenis AKGN dan tiada jumlah yang dicatatkan bagi PN dari jenis P dalam BI.

Menurut Odlin (1993) pemindahan tidak semestinya bersifat negatif kerana terdapat juga kejadian pemindahan positif yang mana terdapat struktur persamaan bahasa yang akhirnya akan dapat membantu pelajar mencapai pengetahuan bahasa yang lebih baik. Sebagai contoh bagi peraturan pembentukan bentuk plural dalam BI dan BS dengan tidak mengambil kira bentuk pengecualian (*exception*) dan bentuk *irregular*, kedua-dua bahasa akan menggunakan bentuk akhiran sama ada -s atau -es bagi bentuk *singular*, dan persamaan ini akan memudahkan pelajar-pelajar bagi kedua-dua bahasa mengenalpasti peraturan tersebut. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji berpendapat faktor persamaan bahasa yang seumpama inilah yang dapat mengelakkan pelajar dari membuat PN dari jenis P.


4.2 Analisis Bahagian 1: Jenis-jenis PN yang paling kerap berlaku daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam penulisan pelajar.

Bahagian satu ini dianalisis menggunakan statistik mudah untuk mengetahui kekerapan dan peratusan jenis-jenis PN sama ada dari BM atau BI yang telah dilakukan oleh responden. Kesemua 30 buah karangan responden telah disemak dan jenis kesilapan telah diklasifikasi mengikut Calvo Cortés (2005). Daripada jumlah **30** karangan yang dihasilkan, **289** jenis kesilapan telah dikesan di lakukan oleh pelajar dalam karangan BS. Seterusnya pengkaji telah mengenalpasti PN yang terhasil dalam karangan pelajar-pelajar Melayu hasil

perbincangan dan rujukan dengan *inter-rater*. Data akhir menunjukkan cuma terdapat **89** PN yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam karangan BS. Pengkaji telah mengkategorikan jenis-jenis tersebut dan dapatan akhir adalah seperti berikut:

Jadual 4.1 Jumlah kejadian PN dari BM

Jenis Kesilapan	Jumlah
Kata Kerja	14
Preposisi	7
Ejaan dan Kosa Kata	4
Artikel dan Kata Ganti Nama	4
Lain-lain kesilapan	2
Padanan	1
Kata Hubung	1
Jumlah Keseluruhan	33



Carta 4.1 Jenis-jenis PN dari BM

Jumlah dan jenis PN yang paling banyak dilakukan pelajar dalam karangan BS dari BM ialah dari jenis KK iaitu dengan peratusan sebanyak 43%, POP dengan 21%, EKK dengan 12%, AKGN dengan 12% , LLK 6%, PN dan KH masing-masing dengan 3%.

Contoh-contoh struktur ayat PN dari BM ialah seperti berikut:

1. Kata Kerja

Mi nombre (es) Noradawiyah

Nama saya Noradawiyah

My name (is) Noradawiyah

(Struktur ayat ialah PN dari BM kerana pelajar menggugurkan penggunaan kata kerja 'to be' dalam ayat ini)

2. Preposisi

Mi cumpleaños es el doce (de) septiembre (de) 1993

Hari lahir saya ialah 12 haribulan September 1993.

My birthday is on 12 (of) September 1993

(Struktur ayat ini ialah PN dari BM kerana pelajar menggugurkan penggunaan 'de' yang bersamaan dengan 'of' dalam bahasa Inggeris yang mesti hadir dalam struktur bahasa Sepanyol).

3. Artikel dan Kata Ganti Nama Diri

(El) deporte requiere una fuerza fisica para competir

Sukan memerlukan kekuatan fizikal untuk bertanding

(The) sport needs a strong physical to compete.

(Struktur ayat ini ialah PN dari BM kerana pelajar tidak menggunakan artikel "the" yang hadir di hadapan kata nama maskulin tunggal (singular).

4. Ejaan dan Kosa Kata

*Ahora, estoy estudiando en **Universiti Pendidikan Sultan Idris***

Sekarang, saya sedang belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris

Now, I am studying at University of Education Sultan Idris

Struktur ayat ini ialah PN dari BM kerana pelajar menggunakan kosa kata BM iaitu Universiti Pendidikan yang sepatutnya ditulis sebagai *Universidad de Educación*. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti PN dari jenis EKK ini hanya melibatkan kosa kata 'Universiti Pendidikan' sahaja yang sepatutnya ditulis sebagai *la Universidad de Educación*. Manakala Sultan Idris pula tidak perlu diterjemahkan kerana merupakan Kata Nama Khas.

5. Kesilapan-kesilapan lain

*Se encuentra cerca de la **cabeza limite***

Ianya terletak berdekatan dengan Kepala Batas

It is located near to Limit Head.

(Struktur ayat ini merupakan PN dari BM kerana pelajar menterjemah secara terus kedua-dua perkataan iaitu *cabeza* (kepala) dan *limite* (batas).

6. Padanan

*Dos **chico(s)** y una **chica** que estudia en SMK Tasek Gelugur.*


Dua orang lelaki dan seorang perempuan yang belajar di SMK Tasek Gelugur.

Two boys and a girl that study at SMK Tasek Gelugur.

(Struktur ayat ini ialah PN dari BM kerana pelajar tidak menggunakan bentuk akhiran -s bagi menunjukkan bentuk jamak dalam bahasa Sepanyol).

Jadual 4.2 Jumlah kejadian PN dari BI

Jenis Kesilapan	Jumlah
Kata Kerja	23
Preposisi dan Objek Preposisi	11
Lain-lain kesilapan	9
Ejaan dan Kosa Kata	9
Artikel dan Kata Ganti Nama Diri	3
Kata Hubung	1
Padanan	0
Jumlah Keseluruhan	56



Carta 4.2 Jenis-jenis PN dari BI

Jumlah dan jenis PN yang paling banyak dilakukan pelajar dalam karangan BS dari BI ialah dari jenis KK iaitu dengan peratusan sebanyak 41%, POP dengan 20%, EKK dengan 18%, LLK dengan 16%, AKGN dengan 3%, KH dengan 2% dan PN dengan 0%.

Contoh-contoh PN dari BI ialah seperti berikut:-

1. Kata Kerja

Yo soy veintidos años (ayat yang betul ialah *yo tengo ventidos años*)

Saya berumur dua puluh dua tahun

I am twenty two years old

(Struktur ayat ini ialah PN dari BI kerana pelajar telah menggunakan struktur BI iaitu *I am twenty two years old* yang menjadi kesalahan dalam BS kerana kata kerja yang sepatutnya digunakan untuk menyatakan umur seseorang ialah dengan menggunakan kata kerja tener (*to have*). Kata kerja ini perlu dikongjugasikan mengikut kata ganti nama diri yang sesuai dengan subjek. Struktur ayat yang betul ialah *yo tengo ventidos años*.

2. Ejaan dan Kosa Kata

Mis padres son profesores

Ibu bapa saya ialah guru/ pensyarah

My parents are professor

(Struktur ayat ini ialah PN dari BI kerana pelajar menggunakan ejaan 'professor' dalam BI. Dalam bahasa Sepanyol ejaan yang betul ialah 'profesores').

3. Preposisi dan Objek Preposisi

*Vivo en una casa en Terengganu que está **en el** este de Malasia.*

(Vivo en una casa en Terengganu que está **al** este de Malasia)

Saya tinggal di sebuah rumah di Terengganu yang terletak di timur Malaysia.

*I live in a house in Terengganu that situated **in the** east of Malaysia*

(Struktur ayat ini ialah PN dari BI kerana pelajar menggunakan bentuk preposisi BI iaitu preposisi *in* diikuti artikel *the* yang jika diterjemah secara literal ke BS ialah *en* diikuti *el* yang menjadi kesalahan dalam BS kerana bentuk preposisi yang sepatutnya digunakan ialah *al* bagi tujuan menunjukkan arah atau tempat. Bagi tujuan menunjukkan arah ini preposisi *a* akan digabungkan dengan artikel *el* (*a + el*) namun begitu vokal 'e' akan digugurkan menjadi 'al'.

4. Kesilapan-kesilapan lain

*Me gusta **Kelly Clarkson** canción*

(Ayat yang betul ialah *Me gusta la canción de Kelly Clarkson*)

Saya suka lagu Kelly Clarkson

I like Kelly Clarkson's song.

(Struktur ayat ini ialah PN dari BI kerana pelajar menggunakan struktur BI iaitu *Me gusta* (subjek), *Kelly Clarkson* (objek langsung) dan *canción* (kata nama) yang berbeza penggunaannya dalam BS kerana struktur ayat yang digunakan di dalam BS ialah *Me gusta* (subjek), *la canción* (kata nama), *de* (kata sifat kepunyaan) dan kemudiannya barulah diikuti oleh objek langsung iaitu Kelly Clarkson.

5. Artikel dan Kata Ganti Nama Diri

La amigas son hermosa y inteligente

(Ayat yang betul ialah *las amigas son hermosas y inteligentes*)

Kawan-kawan saya cantik dan bijak

The friends are beautiful and intelligent

(Struktur ayat ini ialah PN dari BI kerana pelajar menggunakan artikel tunggal "la" yang sepatutnya dijamakkan menjadi "las" mengikut kata nama yang jamak iaitu "amigas". Terdapat perbezaan dalam bentuk artikel "the" BS di mana terdapat bentuk gender iaitu *el* untuk gender lelaki dan *la* bagi gender perempuan dan bilangan jamak *los* (lelaki) dan *las* (perempuan) bagi artikel tersebut yang mana bentuk tersebut tidak wujud dalam BI.

6. Kata Hubung

Me gusta el deporte y para que yo tomo este curso

(Ayat yang betul ialah *Me gusta el deporte y por eso yo tomo este curso*)


Saya suka sukan dan kerana itu saya mengambil kursus ini.

I like sport and *that* why I take this course.

(Pelajar menggunakan terjemahan literal dalam struktur ayat ini tetapi dalam konteks sebenar maksud terjemahan dalam BS untuk *para que* ini tidak boleh digunakan dalam keadaan tersebut kerana penggunaan kata hubung *para que* ini memerlukan dua subjek yang berbeza. Dalam ayat di atas subjek (*Me gusta*) dan pelaku (*tomo*) adalah orang yang sama. Penggunaan kata hubung *para que* memerlukan dua subjek yang berbeza dan digunakan dalam penggunaan subjuntif. Sebagai contoh dalam ayat *Yo trabajo* (saya bekerja) *para que tú puedas estudiar* (agar awak boleh belajar).

4.3 Analisis Soalan Kajian 2: Perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM atau BI dalam karangan BS pelajar-pelajar Melayu

Carta di bawah menunjukkan jumlah PN yang dilakukan oleh pelajar daripada BM dan BI. Terdapat perbezaan yang jelas dalam jenis dan jumlah PN dari BM dan BI dalam karangan BS pelajar-pelajar Melayu.



Carta 4.3 Perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM dan BI

Perbezaan jenis dan jumlah PN boleh dilihat melalui carta bar di atas. Secara keseluruhan jumlah PN dari BI lebih banyak dari BM dalam semua jenis PN iaitu dari jenis KK, POP, LLK dan EKK. Sementara PN dari jenis KH adalah sama bagi kedua-dua bahasa sementara PN dari jenis P hanya terdapat dalam BM dan tidak terdapat PN dari jenis ini dari BI.

Pengkaji akan memberi huraian berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya setiap kejadian PN dari BM dan BI dalam beberapa aspek bahasa seperti terjemahan literal dan struktur ayat. Selain itu perbezaan struktur tatabahasa seperti KK, POP dan artikel juga akan dibincangkan. Pengkaji akan membuat huraian dapatan ini mengikut susunan jumlah dan jenis yang paling banyak bagi semua jenis PN dari BM dan BI.

4.3.1 PN dari BM

4.3.1.1 PN dari BM jenis kata kerja

Jadual 4.3 PN dari jenis kata kerja

Responden 4 Ayat 51	PN dari jenis kata kerja	<i>Su novio amable</i>
	Ayat yang betul	<i>Su novio (es) amable</i> Kawan lelakinya baik.
Responden 5 Ayat 60	PN dari jenis kata kerja	<i>Él honesto pero tímido también</i>
	Ayat yang betul	<i>Él (es) honesto pero(es) tímido también</i> Dia jujur tetapi juga pemalu.
Responden 5 Ayat 60	PN dari jenis kata kerja	<i>Él honesto pero tímido también</i>
	Ayat yang betul	<i>Él (es) honesto pero (es) tímido también</i> Dia jujur tetapi juga pemalu.
Responden 9 Ayat 112	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi marido en semestre cinco ahora comparación conmigo el cuarto semestre.</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi marido (está) en el semestre cinco ahora comparación conmigo el cuarto semestre.</i> Suami saya dalam semester kelima sekarang berbanding saya dalam semester keempat.
Responden 9	PN dari jenis kata kerja	<i>Él en el mismo estudio conmigo</i>

Ayat 113	Ayat yang betul	<i>Él (está) en el mismo estudio conmigo</i> Dia (lelaki) berada di dalam kursus yang sama dengan saya.
Responden 10 Ayat 124	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi nombre Mohd. Zulkefli b. Zainal</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi nombre (es) Mohd. Zulkefli b. Zainal</i> Nama saya Mohd. Zulkefli b. Zainal.
Responden 12 Ayat 142	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi nombre Noradawiyah</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi nombre (es) Noradawiyah</i> Nama saya Noradawiyah.
Responden 12 Ayat 144	PN dari jenis kata kerja	<i>Me gusta comer arroz porque el arroz sabroso y contundente.</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta comer arroz porque el arroz (es) sabroso y contundente.</i> Saya suka makan nasi kerana sedap dan mengenyangkan.
Responden 17 Ayat 185	PN dari jenis kata kerja	<i>Me padre soldado</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi padre (es) soldado</i> Ayah saya askar.
Responden 17 Ayat 186	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi madre ama de casa.</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi madre (es) ama de casa.</i> Ibu saya suri rumah.
Responden 17 Ayat 188	PN dari jenis kata kerja	<i>Me afición fútbol</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi afición (es) el fútbol</i> Hobi saya bermain bolasepak.
Responden 24 Ayat 252	PN dari jenis kata kerja	<i>Mis amigas muy hermosas y bonitas</i>
	Ayat yang betul	<i>Mis amigas (son) muy hermosas y bonitas</i> Kawan-kawan saya sangat baik dan cantik

Responden 27 Ayat 270	PN dari jenis kata kerja	<i>Me madre ama de casa</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi madre (es) ama de casa</i> Ibu saya suri rumah
Responden 28 Ayat 279	PN dari jenis kata kerja	<i>Ellos amables y guapos</i>
	Ayat yang betul	<i>Ellos (son) amables y guapos</i> Mereka baik dan menarik

Bagi semua ayat dari jenis kata kerja di atas iaitu dari ayat 5 hingga ayat 279 pengkaji telah mengenalpasti ianya merupakan PN dari BM kerana pelajar telah meninggalkan aspek tatabahasa yang penting dalam kata kerja BS iaitu kata kerja 'ser' (*to be*) yang mesti hadir dalam semua ayat BS tersebut. Hal ini agak berbeza dengan kata kerja dalam BM dimana kata kerja *to be* iaitu sebagai kata kerja 'ialah' atau 'adalah' adalah kata pemerian yang memerikan hubungan antara subjek dan prediket sahaja berbeza dari kata kerja bahasa Inggeris dari segi fungsinya. Menurut Nik Safiah Karim (1995):

Since many sentences in Malay do not require verbs, many users of the Malay language mistakenly use ialah and adalah as a translation of the English verb whereas the presence of a verb is not essential in a Malay sentence. [...] it is important to realise that ialah and adalah are NOT the equivalent of the verb "to be". ... Remember that in Malay not ALL sentences require verbs in their predicates. Other parts of speech such as the noun, the adjective and the preposition can function as the main item in the predicate. This is a very important difference between English and Malay.

(1995:210-11).

[Kebanyakan ayat dalam BM tidak memerlukan kata kerja, ramai pengguna BM tersilap tentang penggunaan ialah dan adalah sebagai terjemahan dari BI sedangkan kehadiran kata kerja tidak penting dalam BM [...] adalah penting untuk menyedari yang ialah dan adalah BUKAN kata kerja "to be".... Perlu diingat dalam BM bukan SEMUA ayat memerlukan kata kerja dalam predikatnya. Bahagian-bahagian lain dalam perbualan seperti kata nama,

kata sifat, dan preposisi boleh berfungsi sebagai item utama predikat. Inilah perbezaan penting antara BM dan BI.]

Memandangkan terdapat persamaan dalam penggunaan kata kerja 'to be' dalam BI dan BS maka pendapat Nik Safiah Karim (1995) ini digunakan oleh pengkaji dalam melihat perbezaan struktur antara BM dan BS. Dalam BS penggunaan kata kerja 'to be' iaitu *ser* dan *estár* merupakan unsur penting dari segi tatabahasa dan adalah menjadi kesalahan jika pelajar tidak menggunakan struktur tatabahasa tersebut. Sementara dalam ayat 50 hingga ayat 280 pelajar dilihat telah menggugurkan penggunaan kata kerja 'ser' dan 'estár' dalam semua ayat dan hal yang demikian ini telah dilihat oleh pengkaji sebagai PN dari BM.

4.3.1.2 PN dari BM dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi

Jadual 4.4 PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi

Responden 1 Ayat 2	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Yo soy estudiante Ciencias Deporte</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy estudiante (de) Ciencias (del) Deporte</i> Saya seorang pelajar Sains Sukan
Responden 11 Ayat 135	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>También en las actividades co-curricular elijo el cuerpo uniformados</i>
	Ayat yang betul	<i>También en las actividades (de) co-curricular elijo la unidad uniformados</i> Juga dalam aktiviti ko-kurikulum saya memilih unit beruniform.
Responden 13 Ayat 147	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Me gusta la clase español</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta la clase (de) español</i> Saya suka kelas bahasa Sepanyol.

Responden 18 Ayat 198	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Me gustan las canciones Shakira y Enrique Iglesias</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gustan las canciones (de) Shakira y Enrique Iglesias</i> Saya suka lagu-lagu Shakira dan Enrique Iglesias.
Responden 21 Ayat 224	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Mi cumpleaños es el doce septiembre 1993</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi cumpleaños es el doce (de) septiembre (de) 1993</i> Hari lahir saya ialah pada 12 September 1993.
Responden 21 Ayat 224	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Mi cumpleaños es el doce septiembre 1993</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi cumpleaños es el doce (de) septiembre (de) 1993</i> Hari lahir saya ialah pada 12 September 1993.
Responden 21 Ayat 226	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Me gusta la comida dulce especialmente el helado chocolate</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta la comida dulce especialmente el helado (de) chocolate</i> Saya suka makanan manis terutamanya aiskrim coklat.

Selanjutnya, bagi ayat-ayat 2, 135, 147, 198, 224 dan 226 pula, pengkaji telah mengenalpasti PN yang berlaku dari jenis POP kerana sememangnya terdapat perbezaan yang ketara dalam penggunaan POP dalam BM dan BS. Menurut Dayang Aini Haji Karim (2003) dalam kajiannya terdapat perbezaan yang ketara dalam POP setiap bahasa dan kita tidak dapat menyamakan tatabahasa BM dan bahasa-bahasa yang lain. Menurut beliau lagi preposisi BM lazimnya digunakan dalam frasa keterangan, bagi menerangkan hubungan sesuatu kata nama, ganti nama atau frasa nama yang menunjukkan keterangan waktu, arah,

tempat, mahupun alat. Dari segi perbandingan, BS mempunyai jumlah preposisi yang lebih banyak jika dibandingkan dengan BM dan BI. Menurut Romaine (1995):-

Prepositions are a grammatical category to acquire and understand for native speakers of a given language, and yet more difficult for second language speakers

[Preposisi adalah kategori tatabahasa untuk diperolehi dan difahami oleh penutur asli bahasa tertentu, dan ianya lebih sukar untuk penutur bahasa kedua].

Berdasarkan pendapat Romaine (1995) berkenaan Preposisi BS ini sememangnya penggunaan POP BS menimbulkan kekeliruan kepada penutur BS sendiri manakala bagi pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BS sebagai bahasa asing pula mereka tidak dapat mengelak dari memindahkan pengetahuan bahasa BI mereka kerana unsur POP BS yang kompleks. Terdapat banyak jenis POP dalam BS iaitu *a, de, en, hacia* dan *con* tetapi dalam kajian ini pengkaji hanya mengenalpasti satu jenis POP yang berlaku dari BM iaitu preposisi "*de*". Preposisi '*de*' digunakan secara meluas dalam BS dan secara umumnya bermaksud "daripada" atau "dari". Walau bagaimanapun preposisi "*de*" ini juga digunakan bagi menunjukkan pemilikan, asal, jenis, komposisi dan banyak lagi. Sebagai contoh *los padres de Sara* (ibu bapa Sara) menunjukkan pemilikan dan *Él es de Argentina* (Dia berasal dari Argentina) yang menunjukkan asal. Oleh kerana penggunaan preposisi "*de*" tidak wujud dalam BM maka pelajar cenderung melakukan PN dari bahasa ibunda mereka.

4.3.1.3 PN dari BM dari jenis Ejaan dan Kosa Kata

Jadual 4.5 PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata

Responden 1 Ayat 16	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Estudié en Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>
	Ayat yang betul	<i>Estudié en la Universidad de Educación de Sultan Idris</i> <i>Saya telah belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>
Responden 9 Ayat 116	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Ahora, estoy estudiando en Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>
	Ayat yang betul	<i>Ahora, estoy estudiando en la Universidad de Educación de Sultan Idris</i> Sekarang saya belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Responden 14 Ayat 160	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Estoy estudiando en Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>
	Ayat yang betul	<i>Estoy estudiando en la Universidad de Educación de Sultan Idris</i> Saya belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Responden 21 Ayat 228	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Yo soy estudiante de psicología en Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy estudiante de psicología en la Universidad de Educación de Sultan Idris</i> Saya seorang pelajar psikologi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

PN dari jenis EKK yang dilakukan oleh pelajar Melayu dalam karangan ini hanya melibatkan kosa kata "Universiti Pendidikan" yang sepatutnya ditulis sebagai *la Universidad de Educación* dan 4 orang responden telah dikenalpasti melakukan PN dari jenis ini dalam penulisan mereka. PN yang berlaku ini berkemungkinan terjadi kerana kurang pendedahan terhadap penggunaan kata nama khas.

4.3.1.4 PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama

Jadual 4.6 PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama

Responden 1 Ayat 8	PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama Diri	<i>Deporte requiere una fuerte fisica para competir</i>
	Ayat yang betul	<i>(El) deporte requiere una fuerte fisica para competir</i> Sukan memerlukan kekuatan fizikal untuk bersaing.
Responden 2 Ayat 20	PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama Diri	<i>Yo soy mayor de la familia</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy (el) mayor de la familia</i> Saya anak sulung dalam keluarga.
Responden 7 Ayat 88	PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama Diri	<i>Tan pronto como conozco a gente nueva</i>
	Ayat yang betul	<i>Tan pronto como conozco a (la) gente nueva</i> Sebaik sahaja saya bertemu dengan orang baru.
Responden 27 Ayat 267	PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama Diri	<i>Yo soy numero cuatro de seis hermanos</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy (la) cuarta de seis hermanos</i> Saya anak keempat dari enam adik-beradik.

Artikel ialah unsur tatabahasa BS yang juga sangat berbeza dengan BM. Artikel juga digunakan secara meluas dalam BS. Setiap kata nama BS perlu disertai oleh artikel yang mesti hadir sesuai dengan gender dan bilangan kata nama tersebut. Sebagai contoh *el libro*, *los libros*, *el hombre*, *los hombres*, *la mesa*, *las mesas* dan sebagainya. Walau bagaimanapun hanya terdapat beberapa contoh PN yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji dalam kajian ini yang menjurus kepada bentuk PN dari BM ke BS.

4.3.1.5 PN dari BM dari jenis Lain-lain Kesilapan

Jadual 4.7 PN dari jenis Lain-lain Kesilapan

Responden 1 Ayat 16	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Se encuentra cerca de la cabeza limite</i>
	Ayat yang betul	<i>Se encuentra cerca de Kepala Batas. Ianya terletak berdekatan dengan Kepala Batas.</i>
Responden 24 Ayat 259	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Mis amigas muchos hermosas y bonitas</i>
	Ayat yang betul	<i>Mis amigas son muy hermosas y bonitos. Kawan-kawan saya sangat baik dan cantik.</i>

Jenis PN yang telah dikenalpasti oleh pengkaji dari jenis lain-lain kesilapan ini pula adalah disebabkan penggunaan terjemahan literal dalam bentuk perkataan dan bentuk ayat oleh pelajar-pelajar Melayu dalam kajian ini. Contoh terjemahan perkataan secara literal ialah terjemahan kata nama khas Kepala Batas kepada *cabeza* (kepala) dan *limite* (batas) manakala bagi terjemahan struktur ayat pula ialah *Mis amigas muchos hermosas y bonitas* (Kawan-kawan saya sangat baik dan cantik) yang sepatutnya ditulis sebagai *Mis amigas son muy hermosas y bonitos*. Penggunaan *muy* dan *muchos* dalam BS sememangnya mengelirukan bagi pelajar bahasa ini. *Muy* merupakan kata keterangan yang boleh diterjemahkan sebagai "sangat" dalam BM. Hanya ada satu bentuk perkataan *muy* dalam BS dan tiada bentuk gender dan juga jamak bagi perkataan ini. *Muy* biasanya digunakan sebelum kata sifat bagi meningkatkan intensiti manakala *muchos* pula datang dari perkataan *muchos* yang boleh berubah gender dan bilangan menjadi *mucha*, *muchos* dan *muchas*. *Mucho* juga boleh diterjemahkan sebagai 'sangat' dalam BM dan pada masa yang sama juga boleh diterjemahkan sebagai *a lot*, *alot of*, *much* dan *many* dalam BI. Namun demikian dalam ayat

mis amigas muchos hermosas y bonitas adalah kurang tepat penggunaannya dan sepatutnya digunakan dengan '*muy*' mengikut konteks ayat.

4.3.1.6 PN dari BM dari jenis Padanan

Jadual 4.8 PN dari jenis Padanan

Responden 1 Ayat 3	PN dari jenis Padanan	<i>Dos chico y una chica que estudia en SMK Tasek Gelugur.</i>
	Ayat yang betul	<i>Dos chico(s) y una chica que estudia en SMK Tasek Gelugur.</i> Dua orang lelaki dan seorang perempuan yang belajar di SMK Tasek Gelugur.

Bagi ayat 3 dalam jenis P pula, pelajar tidak menggunakan penambahan -s di akhiran kata nama *chico* (budak lelaki) yang merupakan salah satu ciri tatabahasa BS bagi menunjukkan bentuk jamak. Pengkaji telah mengenalpasti bahawa hal ini merupakan PN dari BM kerana sekiranya pelajar menggunakan struktur BI dalam ayat ini kata nama *chico* ditulis sebagai *chicos* maka PN dari BM tidak akan berlaku.

4.3.1.7 PN dari BM dari jenis Kata Hubung

Jadual 4.9 PN dari jenis Kata Hubung

Responden 1 Ayat 5	PN dari jenis Kata Hubung	<i>Conclusión, me encanta a mi familia y mi carrera como estudiante en UPSI</i>
	Ayat yang betul	<i>(En) conclusión, me encanta a mi familia y mi carrera como estudiante en UPSI</i> Kesimpulannya, saya sayangkan keluarga dan kerjaya sebagai pelajar UPSI.

Pengkaji telah mengenalpasti hanya 1 jenis kesilapan dari jenis kata hubung dalam kajian ini dan pengaruh BM dikenalpasti kerana pelajar tidak menggunakan preposisi yang sepatutnya digunakan dalam BM dan BI iaitu *as a conclusion* dalam BI.

4.3.2 PN dari BI

Jumlah dan jenis PN yang paling banyak dilakukan pelajar dalam karangan BS dari BI ialah dari jenis KK iaitu dengan peratusan sebanyak 41%, POP dengan peratusan 20%, EKK dengan 18%, LLK dengan 16%, AKGN dengan 3%, KH dengan 2% manakala jenis P tidak mencatatkan apa-apa peratusan dalam jenis PN dari BI.

4.3.2.1 PN dari BI dari jenis Kata Kerja

Jadual 4.10 PN dari BI dari jenis kata kerja

Responden 1 Ayat 10	PN dari jenis Kata Kerja	<i>Dos chicos y una chica que estudia en SMK Tasek Gelugur</i> <i>Two boys and a girl that study at SMK Tasek Gelugur</i>
	Ayat yang betul	<i>Dos chicos y una chica que estudian en SMK Tasek Gelugur</i> Dua orang lelaki dan perempuan yang belajar di SMK Tasek Gelugur.
Responden 5 Ayat 60	PN dari jenis Kata Kerja	<i>Mi pasion por el fútbol es muy alta y que aspira a ser un buen jugador de fútbol</i> <i>My passion for football is very high and I aspire to be a good football player</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi pasion por el fútbol es muy alta y que aspiro a ser un buen jugador de fútbol</i>

		Minat saya terhadap bolasepak sangat tinggi dan saya berinspirasi menjadi pemain bola sepak.
Responden 6 Ayat 75	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi padre es cuarenta nueve años</i> <i>My father is fourty nine years old</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi padre tiene cuarenta y nueve años</i> Ayah saya berumur 49 tahun.
Responden 8 Ayat 98	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi esposa y yo todavía están aprendiendo</i> <i>My wife and I are still studying</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi esposa y yo todavía estamos aprendiendo</i> Isteri saya dan saya masih belajar.
Responden 8 Ayat 99	PN dari jenis kata kerja	<i>Tengo hermanos excelentes y siempre me ayuda cuando tengo problemas.</i> <i>I have excelent siblings that always help me when I have problem</i>
	Ayat yang betul	<i>Tengo hermanos excelentes y siempre me ayudan cuando tengo problemas.</i> Saya mempunyai adik-beradik yang baik yang sedia membantu ketika saya ada masalah.
Responden 10 Ayat 124	PN dari jenis kata kerja	<i>Yo soy contento y tengo una alta confianza</i> <i>I am happy and I have high confidence</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo estoy contento y tengo una alta confianza</i> Saya seorang yang gembira dan mempunyai keyakinan tinggi.
Responden 10 Ayat 128	PN dari jenis kata kerja	<i>Comencé mis estudios en Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul y continua mis estudios en la escuela secundaria hasta el final de la escuela Tunku Temenggong.</i> <i>I began my studies at Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul and continue my study until end from Tunku Temenggong school.</i>
	Ayat yang betul	<i>Comencé mis estudios en Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul y continuo mis estudios en la</i>

		<p><i>escuela secundaria hasta al final de la escuela Tunku Temenggong.</i></p> <p>Saya telah memulakan pelajaran di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dan meneruskan pelajaran di sekolah menengah sehingga tamat sekolah di Sekolah Tunku Temenggong.</p>
Responden 11 Ayat 135	PN dari jenis kata kerja	<p><i>Me gusta las vacaciones</i> <i>I like vacations</i></p>
	Ayat yang betul	<p><i>Me gusta(n) las vacaciones</i></p> <p>Saya suka percutian.</p>
Responden 11 Ayat 136	PN dari jenis kata kerja	<p><i>Me gusta las fiestas</i> <i>I like parties</i></p>
	Ayat yang betul	<p><i>Me gusta(n) las fiestas</i></p> <p>Saya suka berparti.</p>
Responden 11 Ayat 137	PN dari jenis kata kerja	<p><i>Me gusta leer y ver la televisión pero no me gusta las telenovelas.</i> <i>I like to read and watch television but i dont like the teledrama</i></p>
	Ayat yang betul	<p><i>Me gusta leer y ver la televisión pero no me gusta(n) las telenovelas.</i></p> <p>Saya suka membaca dan menonton televisyen tetapi saya tidak suka teledrama.</p>
Responden 12 Ayat 143	PN dari jenis kata kerja	<p><i>Ella es cincuenta y ocho años</i> <i>She is fifty eight years old</i></p>
	Ayat yang betul	<p><i>Ella tiene cincuenta y ocho años</i></p> <p>Dia (perempuan) berumur 58 tahun.</p>
Responden 13 Ayat 152	PN dari jenis kata kerja	<p><i>Yo alquila una casa en Taman Bahtera.</i> <i>I rent a house at Taman Bahtera</i></p>
	Ayat yang betul	<p><i>Yo alquilo una casa en Taman Bahtera.</i></p> <p>Saya menyewa rumah di Taman Bahtera.</p>

Responden 15 Ayat 171	PN dari jenis kata kerja	<i>También me encanta ver películas, escuchar música o visita a casa de mi hermano en mi tiempo libre.</i> <i>I also love to watch movies, listen to music or visit my brother in my spare time.</i>
	Ayat yang betul	<i>También me encanta ver películas, escuchar música o visitar a casa de mi hermano en mi tiempo libre.</i> Saya juga suka menonton filem, mendengar muzik dan melawat kakak saya dirumahnya pada waktu lapang.
Responden 16 Ayat 174	PN dari jenis kata kerja	<i>Soy veintidos años</i> <i>I am twenty years old</i>
	Ayat yang betul	<i>Tengo veintidos años</i> Saya berumur dua puluh tahun.
Responden 17 Ayat 187	PN dari jenis kata kerja	<i>Yo soy veintidos años</i> <i>I am twenty years old</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo tengo veintidos años</i> Saya berumur dua puluh tahun.
Responden 17 Ayat 189	PN dari jenis kata kerja	<i>Yo soy en el seis semestre</i> <i>I am in the six semester</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo estoy en el sexto semestre</i> Saya dalam semester enam.
Responden 18 Ayat 198	PN dari jenis kata kerja	<i>Me gusta escuchar canciones y también activa en el deporte</i> <i>I like listening to songs and also active in sports</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta escuchar canciones y también activar en el deporte</i> Saya suka mendengar lagu dan aktif dalam sukan.

Responden 21 Ayat 227	PN dari jenis kata kerja	<i>Mis padres trabaja como empleado</i> <i>My parents work as employee</i>
	Ayat yang betul	<i>Mis padres trabajan como empleado</i> Ibu bapa saya bekerja sebagai pekerja.
Responden 22 Ayat 232	PN dari jenis kata kerja	<i>Mi cumpleaños son el trece de febrero.</i> <i>My birthday is thirteen of february</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi cumpleaños es el trece de febrero.</i> Hari jadi saya ialah tiga belas Februari.
Responden 23 Ayat 245	PN dari jenis kata kerja	<i>Soy agradecido a profesora Fatina para enseñarme español</i> <i>I am grateful to Teacher Fatina to teach me Spanish</i>
	Ayat yang betul	<i>Estoy agradecido a profesora Fatina para enseñarme español</i> Saya sangat berterima kasih kepada Cikgu Fatina kerana mengajar saya bahasa Sepanyol.
Responden 25 Ayat 259	PN dari jenis kata kerja	<i>Yo viva en una casa en Taman Universiti.</i> <i>I live in a house at Taman Universiti</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo vivo en una casa en Taman Universiti.</i> Saya tinggal di sebuah rumah di Taman Universiti.
Responden 25 Ayat 260	PN dari jenis kata kerja	<i>Ellos vive juntos con nosotros</i> <i>They live together with us</i>
	Ayat yang betul	<i>Ellos viven juntos con nosotros</i> Mereka tinggal bersama kami.
Responden 27 Ayat 271	PN dari jenis kata kerja	<i>Yo soy veintidos años</i> <i>I am twenty two years old</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo tengo veintidos años</i> Saya berumur dua puluh tahun.

PN dari jenis kata kerja mencatatkan peratusan tertinggi jumlah PN dalam kajian ini iaitu dengan peratusan sebanyak 40%. Melalui penelitian pengkaji terdapat tiga jenis PN dari jenis kata kerja iaitu PN yang terhasil dari kekeliruan konjugasi antara BI dan BS, kekeliruan penggunaan kata kerja 'to be' (*ser*) dengan kata kerja 'to have' (*tener*) dalam BS dan

kekeliruan penggunaan dua kata kerja yang sama iaitu 'to be' (*ser*) dan juga (*estar*) dalam BS. Dalam ayat 10, 60, 99, 128, 152, 171, 198, 227, dan 259 telah menunjukkan bahawa pelajar telah melakukan PN dari BI sewaktu mengkonjugasi kata kerja *estudiar, aspirar, ayudar, continuar, alquilar, visitar, activar, trabajar* dan *vivir* kerana terpengaruh dengan bentuk konjugasi kata dasar dari BI. Dalam BI hanya terdapat dua bentuk konjugasi kata kerja kala kini bagi perkataan-perkataan *study, inspire, help, continue, rent, visit, active* dan *work* iaitu sama ada *work* atau *works* sahaja. Sebagai contoh:-

<i>I work at the university</i>	saya bekerja di universiti
<i>You work at the university</i>	awak bekerja di universiti
<i>She/he works at the university</i>	dia bekerja di universiti
<i>We work at the university</i>	kita bekerja di universiti
<i>They work at the university</i>	mereka bekerja di universiti

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang sangat ketara dalam bentuk konjugasi BS dimana konjugasi kata kerja akan bertukar sebanyak enam kali mengikut subjek. Sebagai contoh kata kerja bekerja ialah *trabajar* dalam BS dan bentuk *infinitive* ini akan dikonjugasi seperti berikut:-

Jadual 4.11 : Pembentukan kata kerja BS

Kata ganti nama	Kata kerja
Yo	trabajo
Tú	trabajas
Él/ella/usted	trabaja

en la universidad

Nosotros/nosotras	trabajamos
Vosotros/vosotras	trabajáis
Ellos/ellas/ ustedes	trabajan

Konjugasi kata kerja BS bagi kata kerja akhiran -ar adalah dengan cara menukar akhiran kata akar tersebut. Sebagai contoh kata kerja *trabajar* seperti dalam jadual di atas dikonjugasikan secara menggugurkan akhiran-ar dan menggantikannya dengan -o. Oleh itu, apabila kata kerja ini dikonjugasikan untuk kata ganti nama diri pertama ianya akan menjadi '*trabajo*' (saya bekerja), '*trabajas*' (awak (tidak formal) bekerja), '*trabaja*' (dia / awak (formal) bekerja), '*trabajamos*' (kami bekerja) dan '*trabajan*' (mereka/ awak (formal dan jamak bekerja). Pertukaran dari segi konjugasi dalam BS sebanyak enam jenis sangat mengelirukan pelajar yang sudah biasa dengan sistem konjugasi BI hingga menimbulkan kekeliruan mereka. Justeru itu, mereka memindahkan pengetahuan tatabahasa BI mereka ke dalam BS. Sebagai contoh dalam ayat BS dibawah:-

*Yo **alquila** una casa en Taman Bahtera.*

*(I **rent** a house at Taman Bahtera)*

*Dos chicos y una chica que **estudia** en SMK Tasek Gelugur*

*(Two boys and a girl that **study** at SMK Tasek Gelugur)*

Dalam kedua-dua ayat di atas pelajar terkeliru dengan konjugasi kata kerja BI yang hanya melibatkan sebanyak dua kali pertukaran iaitu sama ada *I rent a house at Taman Bahtera* ataupun *she rents a house at Taman Bahtera*. Hal ini berlainan dengan konjugasi BS kerana bagi subjek kata ganti nama orang pertama (*yo*) akan melibatkan pengguguran akhiran -ar untuk kata kerja *arquilar* (*to rent*) dan digantikan dengan akhiran -o menjadi *alquilo*. Begitu

juga dalam ayat *two boys and a girl that study at SMK Tasek Gelugur* telah ditulis oleh pelajar sebagai ayat *dos chicos y una chica que estudia en SMK Tasek Gelugur* kerana pelajar terpengaruh dengan konjugasi kata kerja BI *study* bagi menerangkan subjek kedua dalam bentuk jamak. Manakala bagi ayat 260 pelajar juga melakukan PN kerana telah mengkojugasikan kata kerja untuk kata ganti nama diri ketiga tunggal *plural* iaitu *vive (live)* yang sepatutnya menggunakan kata ganti nama diri ketiga jamak *plural* BS iaitu *viven* dalam ayat ini.

Kekeliruan seterusnya yang menyebabkan pelajar melakukan PN dari jenis kata kerja dari BI ialah kekeliruan pelajar terhadap konjugasi dua kata kerja '*to be*' BS sendiri iaitu kata kerja '*ser*' dan '*estár*'. Kedua-dua kata kerja ini ialah '*to be*' dalam BI tetapi penggunaannya adalah berbeza mengikut konteks. Oleh kerana pelajar telah biasa dengan penggunaan hanya satu kata kerja '*to be*' dalam BI. Hal ini menyebabkan pelajar melakukan PN dalam penulisan mereka dalam karangan BS. Dalam ayat 124 *yo soy contento* (saya gembira) dan ayat 245 *soy agradecido* (saya berterima kasih) a profesora Fatina para enseñarme español penggunaan kata kerja '*ser*' dan konjugasinya *soy* adalah tidak tepat kerana kedua-dua ayat tersebut menggambarkan perasaan atau emosi. Kata kerja yang lebih tepat digunakan dalam BS bagi menggambarkan perasaan dan emosi ialah kata kerja '*estár*' dan setelah dikonjugasi kepada ganti nama diri pertama tunggal *estoy*.

Kekeliruan seterusnya yang menyebabkan pelajar melakukan PN dari jenis kata kerja dari BI dalam penulisan BS ini ialah kekeliruan pelajar terhadap penggunaan kata kerja '*ser*' (*to be*) dan '*tener*' (*to have*) dalam BS. Hal ini kerana dalam BI kata kerja yang digunakan untuk menyatakan umur ialah '*tener*'. Pelajar telah memindahkan pengetahuan mereka dari BI dalam penulisan BS. Untuk menyatakan "saya berumur 20 tahun" pelajar telah menulisnya sebagai *yo soy veintiaños* (*I am 20 years old*). Ayat yang tepat ialah *yo tengo*

veintiaños (I have 20 years old). Semua ayat–ayat 75, 143, 174 dan 271 ini merupakan PN yang terhasil dari kekeliruan pelajar terhadap kata kerja *ser* dan *tener* ini.

4.3.2.2 PN dari BI dari jenis Ejaan dan Kosa Kata

Jadual 4.12 PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata

Responden 1 Ayat 15	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Tomé cursos de Licenciatura en Ciencias de la Educación de Coaching</i> <i>I took courses Bachelor of Science in Education of Coaching</i>
	Ayat yang betul	<i>Tomé cursos de Licenciatura en Ciencias de la Educación de Entrenamiento</i> Saya telah mengambil kursus Ijazah Sains Pendidikan Kejurulatihan
Responden 6 Ayat 79	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Mis amigos como la natación</i> <i>My friends like swimming</i>
	Ayat yang betul	<i>Mis amigos les gusta la natación</i> Kawan-kawan saya suka berenang.
Responden 7 Ayat 89	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Soy un senior en la escuela secundaria</i> <i>I am senior at secondary school</i>
	Ayat yang betul	<i>Soy un mayor en la escuela secundaria</i> Saya seorang yang lebih tua di sekolah Menengah.
Responden 9 Ayat 120	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Ellos siempre me dieron buenos direcciones</i> <i>They always gave me good directions</i>
	Ayat yang betul	<i>Ellos siempre me dieron buenos consejos</i> Mereka sering memberi nasihat/ panduan yang baik.
Responden 16 Ayat 177	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Mi comida favourita es arroz frito</i> <i>My favourite food es fried rice</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi comida favorita es arroz frito</i> Makanan kegemaran saya ialah nasi goreng.

Responden 18 Ayat 199	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Me encanta leer historias de amor y suspense thrillers</i> <i>I love reading love stories and suspense thrillers</i>
	Ayat yang betul	<i>Me encanta leer historias de amor y película de suspenso</i> Saya suka membaca cerita cinta dan filem seram.
Responden 20 Ayat 219	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Pero soy un poco impaciente y timida</i> <i>But I'm a bit impatient and shy</i>
	Ayat yang betul	<i>Pero soy un poco impaciente y timida</i> Tetapi saya agak kurang sabar dan pemalu.
Responden 24 Ayat 254	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Mis padres son profesores.</i> <i>My parents are teachers/professor</i>
	Ayat yang betul	<i>Mis padres son profesores.</i> Ibu bapa saya ialah guru/ profesor.
Responden 27 Ayat 274	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Yo soy estudiante de psicología</i> <i>I am a psychology student</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy estudiante de psicología</i> Saya seorang pelajar psikologi.

Jenis PN yang seterusnya sering dilakukan pelajar dari BI dalam penulisan BS ialah dari jenis Ejaan dan Kosa Kata. Kesilapan dari segi ejaan dapat dilihat dengan jelas kerana pelajar telah mengambil terus perkataan dari BI dalam ayat-ayat di atas iaitu *coaching, favorita, suspense thrillers, impaciente, profesores dan psicología*. Sementara kesilapan dari jenis kosa kata pula ialah dari segi pemilihan perkataan yang sama dari BI tetapi berlainan makna dengan BS yang menyebabkan kesilapan dari segi makna ayat dalam BS. Sebagai contoh *red* dalam BI ialah warna merah tetapi dalam BS *la red* ialah internet. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti penggunaan perkataan yang sama dalam BI dan BS yang telah menyebabkan berlakunya PN dalam penulisan pelajar iaitu perkataan *senior* dalam BI yang bermaksud pelajar yang lebih tua tetapi dalam BS pula *mayor* membawa maksud pangkat yang lebih tua dalam keluarga. Sebagai contoh José Garcia sénior ialah nama untuk ayah jika nama kedua-

duanya sama. Begitu juga bagi perkataan *direcciones* dalam ayat 117 bermakna alamat dalam BS dan bukannya panduan atau nasihat adalah tidak tepat digunakan dalam ayat tersebut bagi. Sementara itu dalam ayat 76 pula pelajar melakukan PN dari BI kerana menterjemahkan *like* kepada *como (as)* dalam BS. PN ini telah dikenalpasti oleh pengkaji kerana pelajar terkeliru dengan leksikal hiponim iaitu leksikal yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Dalam ayat ini pelajar terkeliru dengan leksikal *like* yang sebenarnya membawa makna yang berbeza dalam BS. Untuk menyatakan kesukaan dalam BS kata kerja yang digunakan ialah *gustar* dan bagi menyatakan kawan-kawan saya suka berenang, ayat yang sepatutnya ditulis ialah *mis amigos les gusta la natación*.

4.3.2.3 PN dari BI dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi

Jadual 4.13 PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi

Responden 4 Ayat 40	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Un día yo quiero ver ella</i> <i>One day I want to see her</i>
	Ayat yang betul	<i>Un día yo quiero ver (a) ella</i> Satu hari saya ingin berjumpa dengan dia.
Responden 5 Ayat 55	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>También mi gusta hacer ejercicio en la noche</i> <i>I also like to make exercise at night</i>
	Ayat yang betul	<i>También mi gusta hacer ejercicio por la noche</i> Saya juga suka melakukan senaman pada waktu malam.
Responden 5 Ayat 56	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Mi pasion por el fútbol es muy alta y que aspiro a ser un buen jugador de fútbol</i> <i>My passion to football is very high and I inspire to be a good football player.</i>
	Ayat yang betul	<i>Mi pasion por el fútbol es muy alta y que aspiro a ser un buen jugador de fútbol</i>

		Minat saya terhadap bolasepak sangat tinggi dan saya bercita-cita menjadi pemain bolasepak.
Responden 8 Ayat 90	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Estoy en vacaciones en Kuala Terengganu I am on vacations at Kuala Terengganu</i>
	Ayat yang betul	<i>Estoy de vacaciones en Kuala Terengganu Saya dalam percutian di Kuala Terengganu.</i>
Responden 15 Ayat 163	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Depende mucho en It depends a lot on</i>
	Ayat yang betul	<i>Depende mucho de Ianya bergantung kepada.</i>
Responden 20 Ayat 208	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Vivo en una casa en Terengganu que está en el este de Malasia I live in a house in Terengganu that is at the east of Malaysia</i>
	Ayat yang betul	<i>Vivo en una casa en Terengganu que está al este de Malasia Saya tinggal di sebuah rumah di Terengganu yang terletak di timur Malaysia.</i>
Responden 23 Ayat 238	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Me gusta mucho escribir cuentos, especialmente de el viajar ser periodista o autor es uno de los trabajos de mi sueño I like very much to write story, especially about the journey to be a journalist or author is one of my dream works.</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta mucho escribir los cuentos, especialmente sobre la aventura, ser periodista o autor es uno de mi trabajo ideal o de mi sueño. Saya sangat suka menulis cerita, terutama perjalanan menjadi seorang penulis yang menjadi impian saya.</i>
Responden 24 Ayat 247	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>También aprendo español des de señora Fatina I also learn Spanish from Madam Fatina</i>
	Ayat yang betul	<i>También aprendo español con señora Fatina Saya juga belajar bahasa Sepanyol dari Puan Fatina.</i>
Responden 27 Ayat 266	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Me gusta jugar badminton y hockey I like to play badminton and hockey</i>

	Ayat yang betul	<i>Me gusta jugar (al) badminton y hockey</i> Saya suka bermain badminton dan hoki
Responden 28 Ayat 277	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>En mis tiempos libres me gusta leer y navegar en internet</i> <i>At my free time i like to read and searching in internet</i>
	Ayat yang betul	<i>En mis tiempos libres me gusta leer y navegar por internet</i> Pada waktu lapang saya suka membaca dan melayari internet.
Responden 29 Ayat 281	PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi	<i>Espero mi amiga</i> <i>I wait my friend</i>
	Ayat yang betul	<i>Espero (a) mi amiga</i> Saya menunggu kawan saya.

Seterusnya PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi ini juga jelas menunjukkan pelajar telah menggunakan struktur BI dalam penulisan BS. Bagi ayat 29 dan ayat 282 pelajar melakukan PN dari BI kerana menggugurkan penggunaan 'a' personal yang mesti hadir dalam BS jika predikat sesuatu ayat ialah orang. Sebagai contoh:-

Yo visito a Juán. Saya melawat Juan. (contoh pengkaji sendiri)

Dalam kedua-dua ayat 40 dan 281 di atas pelajar telah mengabaikan aspek tatabahasa yang penting iaitu penggunaan 'a' personal dalam ayat BS ini dan kesilapan ini diambilkira oleh pengkaji sebagai PN yang dilakukan dari BI. Dalam BS jika objek langsung (*direct object*) ialah orang, ianya mesti didahului dengan preposisi 'a' yang tiada terjemahan bagi perkataan tersebut dalam BI. Oleh kerana dalam BI tiada bentuk ini maka pelajar sering melakukan kesilapan dengan tidak menggunakan 'a' personal dalam struktur BS.

4.3.2.4 PN dari BI dari jenis Lain-lain Kesilapan

Jadual 4.14 PN dari jenis Lain-lain Kesilapan

Responden 3 Ayat 37	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Yo soy estudiante de Islamica Educación</i> <i>I am Islamic Education student.</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy estudiante de Educación Islamica</i> Saya pelajar Pendidikan Islam.
Responden 4 Ayat 52	PN dari jenis Ejaan dan Kosa Kata	<i>Asi como con otros extranjeros idiomas</i> <i>Like other foreign languages</i>
	Ayat yang betul	<i>Asi como con otros idiomas extranjeros</i> Seperti bahasa asing yang lain.
Responden 6 Ayat 80	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Me gusta Kelly Clarkson canción</i> <i>I like Kelly Clarkson song</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta la canción de Kelly Clarkson</i> Saya suka lagu Kelly Clarkson .
Responden 6 Ayat 82	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>yo soy estudiante de Islamica Educacion</i> <i>I am Islamic Education student</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy estudiante de Educacion Islamica</i> Saya pelajar Pendidikan Islam.
Responden 12 Ayat 146	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Yo soy una alta y gorda chica</i> <i>I am a tall and girl</i>
	Ayat yang betul	<i>Yo soy una chica alta y gorda</i> Saya seorang budak perempuan yang tinggi dan gemuk.
Responden 14 Ayat 162	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Vengo de Terengganu el estado que tiene hermosa playa</i> <i>I come from Terengganu the state that has beautiful beach</i>
	Ayat yang betul	<i>Vengo de Terengganu el estado que tiene playa hermosa</i> Saya berasal dari Terengganu negeri yang mempunyai pantai yang cantik.

Responden 18 Ayat 201	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Estoy tomando español idioma porque me gusta ver las telenovelas</i> <i>I am taking Spanish Language because I like watching telenovelas</i>
	Ayat yang betul	<i>Estoy tomando español porque me gusta ver las telenovelas</i> Saya mengambil bahasa Sepanyol kerana saya suka menonton telenovela.
Responden 20 Ayat 220	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Tengo los negro ojos</i> <i>I have black eyes</i>
	Ayat yang betul	<i>Tengo los ojos negros</i> Saya mempunyai mata dan rambut hitam.
Responden 24 Ayat 258	PN dari jenis Lain-lain Kesilapan	<i>Estudio ingles idioma en UPSI</i> <i>I study English language at UPSI</i>
	Ayat yang betul	<i>Estudio inglés en UPSI</i> Saya belajar bahasa Inggeris di UPSI.

Kesilapan seterusnya yang menyebabkan kejadian PN dari BI dalam penulisan BS pelajar ialah dari jenis Lain-lain Kesilapan. Pengkaji mengenalpasti beberapa keadaan dimana pelajar terpengaruh dengan struktur BI. Dalam ayat 36 dan 79 pelajar menulis *Islamic Education* sebagai *Islamica Educaci3n* yang sepatutnya ditulis sebagai *Educaci3n Islamica*. Seterusnya pengkaji juga telah mengenalpasti PN yang berlaku dalam karangan pelajar dari jenis Lain-lain Kesilapan melalui penggunaan kata sifat dalam karangan pelajar. Salah satu perbezaan terbesar di antara BI dan BS ialah turutan kata sifat dan juga kata nama. Dalam BS bagi menyatakan *white horse* turutannya ialah *horse white (caballo blanco)*. Kata keterangan biasanya hadir selepas kata nama yang diterangkan sama seperti contoh *gato gordo (fat cat* yang mana turutannya ialah *cat (gato) fat (gordo)*. Pengkaji telah mengenalpasti PN dari BI yang dilakukan pelajar dalam ayat-ayat 50, 77, 147, 163, 202, 222

dan 258 dalam jadual di atas. Sebagai contoh, dalam ayat 163 *hermosa playa* (*beautiful beach*) yang sepatutnya ditulis sebagai *playa hermosa*. Begitu juga dalam ayat 222 *negro ojos* (*black eyes*) yang sepatutnya ditulis sebagai *ojos negros*.

4.3.2.5 PN dari BI dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama

Jadual 4.15 PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama

Responden 3 Ayat 36	PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama	<i>La amigas son hermosa y inteligente</i> <i>The friends are nice and intelligent</i>
	Ayat yang betul	<i>Las amigas son hermosas y inteligentes</i> Kawan-kawan baik dan pandai.
Responden 26 Ayat 262	PN dari jenis Artikel dan Kata Ganti Nama	<i>El padres son amables</i> <i>The parents are nice</i>
	Ayat yang betul	<i>Los padres son amables</i> Ibu bapa baik.

PN yang seterusnya berlaku dari BI dalam penulisan BS pelajar-pelajar Melayu ialah apabila pelajar tidak dapat mengaplikasi bentuk jamak bagi artikel dalam BS. Terdapat perbezaan yang besar dalam penggunaan artikel dalam BS dan BI. *Definite article 'the'* dalam BS boleh berubah bentuk mengikut gender dan bilangan menjadi *el*, *la*, *los* dan *las*. Sebagai contoh artikel *el coche* (*the car*) bagi subjek tunggal maskulin dan *los coches* (*the cars*) bagi subjek jamak maskulin digunakan dalam BS dan *la casa* (*the house*) bagi subjek tunggal *feminine* dan *las casas* (*the houses*) bagi subjek jamak *feminine*. Oleh kerana bentuk artikel ini tiada dalam BI maka pengkaji telah mengenalpasti PN dari jenis ini dilakukan oleh pelajar dari BI.

4.3.2.6 PN dari BI dari jenis Kata Hubung

Jadual 4.16 PN dari jenis Kata Hubung

Responden 15 Ayat 165	PN dari jenis kata hubung	<i>Me gusta el deporte y para que yo tome este curso</i> <i>I like sport and so that I take this course</i>
	Ayat yang betul	<i>Me gusta el deporte y por eso yo tome este curso</i> Saya suka sukan dan oleh kerana itu saya mengambil kursus ini.


Struktur ayat ini ialah PN dari BI kerana pelajar menggunakan kata hubung yang diterjemah terus dari BI. Dalam kes ini, pelajar menganggap *para que* mempunyai sama maksud dengan *so that* atau *that why* jadi terjemahan secara literal telah dilakukan. Namun begitu terjemahan yang sebenar bagi *para que* ialah 'in order to' dan *para que* yang digunakan memerlukan penggunaan subjuntif sekiranya terdapat dua subjek dalam ayat tersebut. Sebagai contoh dalam ayat (*Te digo la verdad para que entiendas*). "Saya beritahu perkara sebenar agar awak faham" yang memerlukan dua subjek iaitu *digo* (saya beritahu) dan *entiendes* (awak faham).

4.4 Analisis Soalan Kajian 3: Persepsi pelajar terhadap penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS.

4.4.1 Aspek yang digunakan sebagai rujukan di dalam kelas BS


Dalam bahagian ini pengkaji akan melihat secara keseluruhan persepsi pelajar terhadap penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS. Berdasarkan set soal selidik yang telah dikumpul dan dianalisis penggunaan kedua-dua bahasa iaitu BM dan BI sebagai rujukan di dalam kelas BS mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 53%. Seterusnya penggunaan

kebanyakannya BI mencatatkan 33%, penggunaan hanya BM dan BI masing-masing mencatatkan 7% dan tiada peratusan dicatatkan untuk penggunaan hanya BI sahaja sebagai rujukan di dalam kelas BS.



Carta 4.4 Carta peratusan bahasa yang digunakan sebagai rujukan di dalam kelas BS.


4.4.2 Aspek BM yang membantu pelajar dalam mempelajari BS.



Carta 4.5 Carta peratus aspek BM yang membantu pelajar dalam mempelajari BS.

Selain daripada melihat aspek keseluruhan persepsi pelajar terhadap bahasa yang digunakan sebagai rujukan dalam pembelajaran BS, pengkaji juga telah melihat aspek-aspek bahasa dari BM dan BI yang membantu mereka dalam mempelajari BS. Berdasarkan soal selidik tersebut pengkaji telah mengenal pasti peratusan struktur BM yang membantu pelajar dalam mempelajari BS ialah Penyebutan. Aspek ini merupakan aspek yang tertinggi dengan sebanyak 32%, diikuti Pertuturan dengan 23%. Seterusnya Penulisan dengan 19%, Kosa Kata dengan 15%, Tatabahasa dengan 8% dan Lain-lain dengan 3%.

4.4.3 Aspek BI yang membantu pelajar dalam mempelajari BS



Carta 4.6 peratusan BI yang membantu pelajar dalam mempelajari BS.

Seterusnya BI yang membantu pelajar dalam mempelajari BI berdasarkan persepsi pelajar-pelajar Melayu ialah Pertuturan dengan 23% diikuti Tatabahasa dengan 20%, Kosa Kata dan

Penulisan dengan kedua-duanya 19%, Penyebutan dengan 18% dan Lain-lain dengan hanya 1%.

4.4.4 Persepsi pelajar tentang bahasa yang lebih mudah digunakan dalam mempelajari BS.



Carta 4.7: Persepsi pelajar tentang bahasa yang lebih mudah digunakan dalam mempelajari BS.

Peratus persepsi pelajar tentang bahasa yang lebih mudah digunakan dalam mempelajari BS ialah BI dengan 67%, BM dengan 23% dan kedua-duanya dengan 10%.

Melalui dapatan dari soal selidik ini pengkaji dapat melihat perkaitan dalam kajian ini iaitu:-

1. Peratusan PN dari BM dan BI adalah lebih kurang sama bersesuaian dengan dapatan tertinggi soal selidik yang menunjukkan bahasa rujukan pelajar dalam kelas BS ialah kedua-dua bahasa dengan 53%.
2. Peratusan jenis PN yang paling tinggi dari BI ialah dari jenis Kata Kerja dan Ejaan dan Kosa Kata bersesuaian dengan data soal selidik yang menunjukkan persepsi aspek BI yang membantu pelajar dalam mempelajari BS ialah pertuturan dengan 23% dan tatabahasa dengan 20%.
3. Secara keseluruhan jumlah PN lebih banyak dari BI berbanding BM selaras dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap bahasa yang lebih mudah digunakan bagi mempelajari BS ialah BI dengan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 67%.

Kesimpulannya, dalam kajian ini pengkaji telah dapat melihat perkaitan di mana pelajar beranggapan bahawa BS mempunyai banyak persamaan dengan BI terutama dari segi tatabahasa dan ejaan. Oleh itu mereka cenderung menggunakan struktur dan perkataan BI dalam penulisan mereka yang akhirnya menyebabkan penghasilan PN lebih banyak dari BI berbanding dari BM.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab 4 pengkaji telah membentangkan hasil dapatan terhadap jenis-jenis PN mengikut kategori yang diadaptasi dari jenis kategori kesilapan oleh Calvo Cortés (2005) dan seterusnya membincangkan perbezaan struktur BM dan BI yang membezakannya dengan BS. Pengkaji juga telah membentangkan hasil dapatan daripada soal selidik berkaitan persepsi penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran BS. Dalam bab 5 ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian secara keseluruhan.

5.1 Perbincangan Dapatan

Perbincangan terhadap dapatan kajian akan dilakukan berdasarkan persoalan kajian yang telah dikemukakan di bahagian 1.6 dalam Bab 1 bagi memudahkan perbincangan.

1. Apakah jenis-jenis pemindahan negatif yang paling kerap berlaku daripada BM dan BI dalam penulisan pelajar Melayu Tahap 1 BS?

Berdasarkan kajian ini pengkaji telah dapat mengenalpasti kejadian PN yang berlaku dalam penulisan karangan BS pelajar. PN merupakan salah satu ciri dalam proses pemerolehan bahasa asing. Dalam kajian ini pelajar-pelajar Melayu yang sememang tidak

pernah terdedah dengan BS cenderung melakukan PN dari BM dan BI dalam pemerolehan BS. Pengkaji telah mengenalpasti PN telah berlaku di dalam semua jenis kesilapan iaitu dari jenis POP, P, KH, AKGN, KK, EKK dan LLK. PN yang paling kerap berlaku dalam BM ialah dari jenis KK, AKGN, POP, EKK, LLK dan PN. Manakala PN dari BI yang paling kerap berlaku ialah dari jenis KK, POP, EKK, LLK, AKGN dan KH.

Dapatan kajian dari Zhiliang Liu (2011) mendapati pelajar Cina yang mempelajari BI sebagai B2 telah membuat kesilapan dari semua aspek kajian iaitu aspek tatabahasa seperti kata nama, kata kerja, adjektif dan keterangan, kata hubung, kata ganti nama, artikel dan lain-lain. Oleh yang demikian dapatan kajian ini didapati sama dengan kajian Zhiliang Liu (ibid) kerana pelajar-pelajar Melayu didapati telah membuat kesilapan dalam semua jenis PN dari BM (B1 pelajar) dan semua jenis juga dari BI (B2 pelajar) kecuali dari jenis P dari BI.

2. Adakah terdapat perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM dan BI dalam karangan BS pelajar Melayu? Jika ya, apakah perbezaan ini?

Melalui dapatan kajian ini pengkaji telah mengenalpasti perbezaan jenis dan jumlah PN dari BM dan BI dalam karangan BS pelajar-pelajar Melayu. Secara keseluruhannya, PN dari BI berlaku lebih kerap dari PN dari BM. Kesilapan dari jenis kata kerja merupakan jenis PN yang paling kerap berlaku dari BI dan juga BM. Hal yang demikian ini kerana kekeliruan yang timbul kerana pelajar berpendapat sistem konjugasi BI adalah sama dengan BM dan kekeliruan terhadap penggunaan kata kerja '*to be*' dan '*to have*' yang difikirkan sama sedangkan kedua-duanya adalah sangat berbeza penggunaannya dalam BS. Kesilapan dari jenis kata kerja dari BM pula adalah kerana kewujudan aspek bahasa yang tidak dipentingkan dalam bahasa yang lain. Menurut Lado (1957) bahawa perbezaan akan menyukarkan pelajar dan persamaan akan memudahkan pelajar.

PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi juga menunjukkan perbezaan dari BI lebih banyak dari BM. Hal yang demikian ini kerana kedua-dua bahasa iaitu BI dan BS adalah dari rumpun bahasa Indo-Eropah yang sama tetapi dari kumpulan yang berlainan. BI termasuk dalam kumpulan bahasa *Germanic* sementara BS dalam kumpulan bahasa *Romance* yang berkongsi persamaan terutama dari segi leksikal. Disebabkan oleh perhubungan tersebut menurut Calvo Cortés (2005) adalah mudah untuk melihat pengaruh bahasa antara dalam kedua-dua bahasa dan seterusnya melihat kejadian PN yang berlaku dari kedua-dua bahasa tersebut. Sementara PN dari jenis Preposisi dan Objek Preposisi berlaku kerana perbezaan struktur bahasa yang sangat ketara yang menyebabkan kekeliruan pelajar dan seterusnya pelajar menggunakan struktur bahasa ibunda dalam penulisan BS.

Dapatan kajian ini yang mendapati PN yang berlaku lebih banyak dari BI (bahasa Inggeris) berbanding dengan BM adalah berbeza dengan dapatan dari kajian Tremblay (2006) yang menyatakan bahawa B1 (bahasa ibunda) pelajar iaitu BI lebih mempengaruhi pelajar berbanding B2 iaitu bahasa Perancis dalam pemerolehan bahasa ketiga iaitu bahasa Jerman. Faktor ini kemungkinan disebabkan oleh persamaan yang banyak dalam struktur BI dan bahasa Jerman memandangkan kedua-dua bahasa tersebut adalah dari rumpun yang sama. Situasi ini berbeza dengan dapatan pengkaji kerana struktur B1 pelajar dalam kajian ini iaitu BM adalah sangat berbeza dengan BS yang berasal dari rumpun yang berlainan.

3. Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan BM dan BI dalam pemerolehan BS?

Secara keseluruhan pelajar berpendapat BI lebih banyak membantu mereka menguasai BS. Oleh itu mereka lebih cenderung menggunakan struktur dari BI berbanding dari BM yang menyebabkan berlakunya fenomena PN. PN dari BM pula terjadi kerana terdapat aspek yang tiada dalam BM tetapi wujud dalam BS menyebabkan kesukaran pelajar

memahami konsep dan peraturan tersebut. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian Tremblay (2006) yang menyatakan bahawa pelajar menggunakan BI (bahasa Inggeris) iaitu B1 (bahasa ibunda) sebagai perantara untuk mempelajari bahasa Jerman manakala dalam kajian ini pelajar menggunakan BI iaitu B2 sebagai bahasa rujukan utama dalam mempelajari BS. Faktor ini mungkin disebabkan oleh persamaan dan perbezaan struktur antara B1, B2 dan B3 tersebut.

5.2 Rumusan Keseluruhan


Dalam membuat rumusan keseluruhan pengkaji telah menggunakan klasifikasi jenis pemindahan negatif Odlin (1989) yang menyatakan terdapat 4 jenis akibat (*consequence*) yang terhasil daripada PN iaitu Kurang Penghasilan (*Underproduction*) atau UP, Lebih Penghasilan (*Overproduction*) atau OP, Kesilapan Penghasilan (*Production Errors*) atau PE, dan Kesilapan Interpretasi (*Misinterpretation*) atau MI. Menurut Odlin (1993) UP muncul apabila pelajar-pelajar menyedari tentang struktur-struktur tertentu bahasa sasaran yang sangat berbeza dengan bahasa dengan B1 dan B2 dan menyebabkan pelajar-pelajar tersebut mengelak dari menggunakan struktur-struktur tersebut dalam penghasilan ayat. Dalam kajian ini pengkaji mengambil kira semua bentuk pengelakan oleh pelajar dalam penulisan sebagai Kurang Penghasilan. Sebagai contoh pengelakan dalam penggunaan kata kerja, preposisi dan artikel.

Seterusnya OP pula menurut Odlin (1993) adalah berlawanan dengan UP kerana hasil dari pengelakan penggunaan bahasa dalam bahasa sasaran, timbul pula struktur lain yang lebih kerap digunakan pelajar kerana mereka lebih yakin dan oleh itu OP akan terhasil. Sementara itu pula dalam PE pula terdapat tiga jenis pembahagian iaitu penggantian, *calques* dan pengubahsuaian. Penggantian merujuk kepada penggunaan bentuk bahasa ibunda dalam

bahasa sasaran. Sebagai contoh menurut Calvo Cortés PN dari BI ke BS iaitu *possible* yang sepatutnya dieja sebagai *posible*. Sementara *calques* pula menurut Cortés ialah kesilapan yang sangat mirip dengan bahasa ibunda pelajar. Selanjutnya pengubahsuaian pula berlaku apabila pelajar mengubahsuaikan struktur bahasa sasaran. Contohnya pelajar bahasa Arab yang mempelajari BI menggantikan huruf b untuk p dalam ayat *playing* menjadi *blaying*. Tetapi pelajar tersebut menggunakan p di tempat yang tak sewajarnya contohnya hapit (*habit*). Fenomena ini menurut Odlin digelar sebagai *hypercorrection*.

Akhir sekali MI pula merujuk kepada kepada struktur dalam bahasa ibunda yang boleh mempengaruhi interpretasi mesej dalam bahasa sasaran dan ini kemungkinan penerima mesej menerima mesej yang berlainan daripada apa yang ingin disampaikan oleh penutur.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti klasifikasi PN dari kedua-dua bahasa iaitu BM dan BI dalam penulisan BS.



Carta 5.1 Klasifikasi PN berdasarkan klasifikasi Odlin (1993)

Berdasarkan carta bar di atas pengkaji telah mengenal pasti PN yang paling banyak berlaku ialah dari klasifikasi PE iaitu berjumlah 48 PN, 5 PN dari BM dan 43 PN dari BI diikuti UP dengan jumlah 25 PN dari BM dan 6 PN dari BI. Seterusnya dari klasifikasi OP dengan 6 PN dari BI dan klasifikasi MI dengan sebanyak 4 PN yang kesemuanya dari BI.

5.2.1 Klasifikasi jenis PE

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini bagi membuat rumusan secara keseluruhan pengkaji akan menggunakan klasifikasi Odlin (1989) bagi mengenal pasti dalam kategori kesilapan manakah sebenarnya PN yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam penulisan karangan BS mereka. Berdasarkan data, didapati PE merupakan jenis klasifikasi yang paling banyak berlaku dalam penulisan pelajar-pelajar Melayu ini dan PE dari BI lebih banyak dari BM iaitu dengan sebanyak 43 PE berbanding hanya lima PE dari BM. Manakala dalam pembahagian penggantian, *calques* dan pengubahsuaian pula pengkaji telah mengenal pasti hanya terdapat dua jenis kategori kesilapan yang telah dikenal pasti dalam penulisan pelajar-pelajar Melayu iaitu penggantian yang merujuk kepada kegunaan bentuk bahasa dalam bahasa sasaran dan *calques* iaitu kesilapan berhubung dengan struktur bahasa.

5.2.2 Klasifikasi jenis UP

Seterusnya jumlah PN dari klasifikasi UP menunjukkan jumlah yang lebih banyak dari BM berbanding BI dan pengkaji telah mengenal pasti keadaan ini berlaku kerana struktur BS yang lebih kompleks berbanding BI. Pelajar-pelajar Melayu yang sudah biasa dengan struktur bahasa ibunda mereka cenderung memindahkan pengetahuan mereka dan menghasilkan PN dalam penulisan mereka.

5.2.3 Klasifikasi jenis OP

Semua jenis PN dari klasifikasi jenis OP ini ialah dari BI di mana pelajar telah menggunakan perkataan yang mereka rasakan betul. Hasilnya pelajar menggunakan perkataan yang sama dalam setiap konteks (*overuse*) yang menyalahi aspek-aspek tatabahasa bahasa. Sebagai contoh dalam kajian ini pelajar menggunakan preposisi *en* bagi menyatakan *at* dalam BI.

5.2.4 Klasifikasi jenis MI

Bagi klasifikasi MI juga pengkaji telah mengenal pasti semua PN ialah dari BI di mana pelajar terpengaruh dengan unsur *false friend* dari BI.

5.3 Implikasi Kajian

Hasil daripada kajian ini menimbulkan beberapa implikasi dan cadangan kepada bidang Pengajaran & Pembelajaran bahasa terutama BS di Malaysia. Bagi pengkaji bahasa pengetahuan berkaitan PN ini boleh dijadikan landasan bagi membuat kajian yang lebih luas dan mendalam berkaitan fenomena PN ini. Kajian perbandingan antara BM, BI dan BS perlu diperbanyakkan bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pelajar terhadap perbezaan yang wujud dalam bahasa-bahasa tersebut. Bagi tenaga pengajar pula pengetahuan berkaitan fenomena PN dapat digunakan bagi penambahbaikan Pengajaran & Pembelajaran BS sendiri di mana guru atau tenaga pengajar BS perlu menekankan bentuk persamaan dan perbezaan antara BI dan BS serta BM dan BS dalam pengajaran. Seterusnya, kajian ini juga boleh digunakan oleh pelajar yang dalam proses mempelajari bahasa asing terutamanya BS bagi dijadikan panduan dalam memahami proses dan bagi memahami kesukaran yang dilalui sewaktu proses pemerolehan bahasa terutamanya BS.

5.4 Batasan Kajian

Seperti kajian-kajian lain, kajian ini juga mempunyai batasan tertentu. Antara yang dikenalpasti ialah:

- 1) Oleh kerana kekangan masa kajian ini hanya menumpukan kepada aspek perbezaan bahasa sahaja dan tidak dapat melihat kepada aspek-aspek lain seperti umur dan kecekapan B1 dan B2 pelajar.
- 2) Penyelidikan ini hanya terhad kepada PN dari BM dan BI dalam penulisan BS sahaja. Oleh itu kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada bahasa-bahasa lain.
- 3) Pengkaji bukan penutur natif bahasa Sepanyol, oleh itu pasti berlaku sedikit kesulitan dalam menganalisis data. Namun hal ini dapat diatasi dengan merujuk kepada *inter-rater* yang pakar dalam bahasa ini.

5.5 Cadangan Kajian Akan Datang

Menurut Littlewood (1984) pemerolehan bahasa kedua sememangnya rumit dan pelajar-pelajar terpaksa melalui beberapa tahap bagi mencapai sasaran menguasai bahasa kedua sepenuhnya. Krashen (1981) pula menggunakan hipotesisnya bagi menerangkan proses-proses yang dilalui oleh pelajar bahasa kedua bagi menguasai bahasa sasaran sepenuhnya. PN merupakan salah satu dari proses yang berlaku kepada pelajar dalam pemerolehan bahasa terutama bagi pemerolehan B2 atau bahasa asing. Memandangkan masalah pemindahan bahasa ini merupakan masalah sejagat dan berterusan pengkaji mencadangkan penyelidikan lanjut turut dijalankan dalam aspek yang berlainan iaitu dari

aspek pertuturan atau fonologi. Kajian yang menggunakan pendekatan yang berbeza bagi melihat jika terdapat perbezaan dapatan juga perlu diterokai.

5.6 Penutup

Pada pendapat pengkaji yang juga merupakan tenaga pengajar BS adalah penting untuk memahami perbezaan dan juga persamaan yang wujud antara BM, BI dan BS. Hal ini demikian kerana tenaga pengajar berperanan menyedarkan pelajar bahawa pelajar membuat kesilapan kerana pengaruh bahasa ibunda dan B2 mereka. Dalam kajian ini, pelajar tidak dapat lari dari merujuk kepada B1 atau B2 setiap kali mereka tidak mengetahui peraturan tatabahasa atau perkataan dalam bahasa sasaran. Oleh itu pelajar-pelajar harus diberi kesedaran bahawa bahasa bukan hanya kosa kata tetapi konsep setiap bahasa adalah berbeza dari segi struktur dan tatabahasanya. Dapatan kajian berkaitan PN ini diharapkan dapat digunakan bagi tujuan penambahbaikan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) bahasa asing secara keseluruhan dan juga Pengajaran & Pembelajaran P&P bahasa Sepanyol khususnya. Selain itu bagi pengkaji sendiri sebagai tenaga pengajar BS berpendapat bahawa dapatan dapat digunakan bagi memperbaiki penulisan pelajar dalam BS.

RUJUKAN

- Aida Husni Abdul Hamid. (2012). *Analisis penggunaan kata kerja bahasa Jerman dalam kalangan pelajar IPTA*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan).Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Aleeva, D. (2012). *Negative Transfer in the Writing of Proficient students of Russian: a comparison of heritage language learners and second language learner*.(Tesis yang tidak diterbitkan): Portland State University, Portland.
- Asmah Haji Omar (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Mohd Sera'ai. (2009). *Orientasi dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Sepanyol*.(Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bardel, C. (2000) : La negazione nell'italiano degli svedesi: sequenze acquisizionali e influssi translinguistici [Negation in the Italian of Swedes: acquisitional sequences and cross-linguistic influence]. *Études Romanes de Lund*, 61. Romanska Institutionen, Lunds Universitet.
- Bardel, C. (2006). La connaissance d'une langue étrangère romane favorise-t-elle l'acquisition d'une autre langue romane? Influences translinguistiques dans la syntaxe d'une L3 [Does knowledge of a Romance foreign language favour the acquisition of another Romance language? Cross-linguistic influences in the L3 syntax]. *Acquisition et Interaction en Langue Étrangère*, 24, 149–80.
- Bardel, C. & Falk, Y.(2007). The role of the second language in third language Acquisition: The case of Germanic syntax. *Second Language Research*, 23(4),459-484.
- Bohnacker,U. (2006). When Swedes begin to learn German: From V2 to V2. *Second Language Research* 2(4): 443–486.
- Cabrelli Amaro, J. & Rothman, J. (2010). On L3 acquisition and phonological permeability: A new test case for debates on the mental representation of non-native phonological systems. *IRAL, International Review of Applied Linguistics in Language Teaching* 48(2–3): 275–296
- Calvo Cortes, N. (2005). Negative language transfer when learning Spanish as a foreign language. *Interlinguistica*, 16 (1) 237-248.

- Cenoz, J. & Valencia Cenoz, J. & Valencia, J. (1994) Additive trilingualism: Evidence from the Basque Country. *Applied Psycholinguistics*, 15: 197-209
- Cenoz, J. Hufeisen, B. & Jessner, U. (2006). *Cross-linguistic influence in third language acquisition: Psycholinguistics perspectives..* Great Britain: University Press.
- Cenoz, J. (2001). The effect of linguistic distance, L2 status and age on cross-linguistic influence in L3 acquisition. In J. Cenoz, B. Hufeisen & U. Jessner (Eds), *Cross-linguistic Influence in Third Language Acquisition*. (pp. 8-20). Clevedon, UK: Multilingual Matters.
- Cenoz, J. (2003). The role of typology in the organization of the multilingual lexicon. In J. Cenoz, B. Hufeisen & U. Jessner (Eds.), *The Multilingual Lexicon*. Dordrecht: Kluwer Academic.
- Chen, Chun Ping. (2006). *Pemindahan leksis Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Cina di Malaysia*. Laporan penyelidikan yang tidak diterbitkan. Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Child, M. W. (2013). *Language Learning Perceptions: The role of Spanish in L3 Portuguese Acquisitions*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). University of Arizona, Tucson.
- Corder, S. (1967). The significance of learners' errors. *International Review of Applied Linguistics*, 5, 161-170.
- Corder, S. (1983). A role for the mother tongue. In S. Gass & L. Selinker (Eds.), *Language transfer in language learning* (pp. 85-97). Rowley, MA: Newbury House.
- Crystal, D. (2003). *The Cambridge Encyclopedia of the English Language* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Dayang Aini Haji Karim (2003). *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Konstratif dan Satu Kesilapan*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- De Angelis, G. & Selinker, L. (2001). Interlanguage transfer and competing linguistic systems in the multilingual mind. In J. Cenoz, B. Hufeisen & U. Jessner (Eds.), *Cross-linguistic Influence in Third Language Acquisition*. (pp. 42-58). Clevedon: Multilingual Matters.

- Dentler, S. (2000). Deutsch und Englisch-das gibt immer Krieg!-Dentler, S, et al.(eds).*Tertiär und Drittsprachen. Projekte und empirische Untersuchungen*. Stauffenburg Verlag. Tübingen: 42-52.
- Dewaele, J.M. (1998). Lexical inventions: French interlanguage as L2 versus L3, *Applied Linguistics* 19,4:471-490
- Dulay, H., M.K. Burt & S. Krashen. (1982). *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Dulay, H. and M. Burt (1977) "Remarks on creativity in language acquisition." In M. Burt, H. Dulay, and M. Finnochiaro (Eds.), *Viewpoints on English as a Second Language*. New York: Regents, pp. 95-126
- Ecke P. (2001). *Lexical retrieval in a third Language. Evidence from errors and tip-of-the-tongues states*. – Cenoz J. et al. (eds.): 90–114.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisitions*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1998). *Second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Falk, Y. (2010). *Gingerly Studied Transfer Phenomena in L3 Germanic Syntax. The Role of the Second Language in Third Language Acquisition*. Utrecht: LOT Publications.
- Falk, Y. & Bardel, C. (2011). Object pronouns in German L3 syntax: Evidence for the L2 Status factor. *Second Language Research* 27(1): 59–82
- Flynn, S., Foley, C. & Vinnitskaya, I.(2004). The cumulative-enhancement model for language acquisition: Comparing adults' and children's patterns of development in first, second and third language acquisition of relative clauses. *International Journal of Multilingualism*, 1: 316
- Fries, C. (1945). *Teaching and learning English as a foreign language*. Ann Arbor, Michigan: University of Michigan Press.
- Gable, R. K., & Wolf, M. B. (1993). *Instrument development in the affective domain: Measuring attitudes and values in corporate and school settings (2nd ed.)*. Boston: Kluwer Academic Publishers.
- Gass, S.M. & Selinker, L. (1992). *ESL. Language transfer in language learning*. Amsterdam/Philadelphia: J. Benjamin Publishing Co.
- Gass, S.M. & Selinker, L. (2008) (3rd ed) *Second language learning course*. New York & London: Routledge.

- Grosjean, F. (1995). A psycholinguistic approach to code-switching: the recognition of guest words by bilinguals. In L. Milroy & P. Muysken (Eds.), *One Speaker, Two Languages: Cross-Disciplinary Perspectives on Code-Switching* (pp. 259-75). Cambridge: Cambridge University Press.
- Hammarberg, B. (2001). Roles of L1 and L2 in L3 production and acquisition. In J. Cenoz, B. Hufeisen & U. Jessner (Eds.), *Cross-linguistic Influence in Third Language Acquisition*. (pp. 21-41).
- Hartman, R.R.K. and EC. Stork. (1972). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Publishers.
- Hazlina Abdul Halim. (2008). *Pemerolehan gender gramatikal bahasa Perancis di kalangan pelajar-pelajar bahasa asing*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Huang Chuanjian (2010). *Research On Language Transfer In English Writing By Chinese Students*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). University of Wisconsin, Platteville.
- Isurin, L (2005). Cross Linguistic Transfer in Word Order: Evidence from L1 Forgetting and L2 Acquisition. In Cohen, J, McAlister, K.T, Rolstad, K, & MacSwan, J (eds). *ISB4: Proceedings of the 4th International Symposium on Bilingualism*. , 1115-1130. Somerville, MA: Cascadilla Press.
- Jessner, U. (2008). Teaching third languages: findings, trends and challenges. *Language Teaching*, 41 (1), 15-56.
- Kamarudin Hj. Husin (1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kumpulan Budiman: Kuala Lumpur
- Krashen, S.D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon
- Krashen, S.D. (1985). *The Input Hypothesis: Issues and Implications*. New York: Longman
- Kellerman, E. 1983. *Now you see it, now you don't*. In *Language Transfer in Language Learning*, S. Gass & L. Selinker (eds), 112–134. Rowley MA: Newbury House.
- Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. University of Michigan Press: Ann Arbor.
- Leung, Y. K. L. (2005). L2 vs. L3 initial state: A comparative study of the acquisition of French DPs by Vietnamese monolinguals and Cantonese English bilinguals. *Bilingualism: Language and Cognition* 8(1): 39–61.

- Littlewood, W.(1984). *Foreign and Second Language Learning*. London: Cambridge University Press.
- Mangantar Simanjuntak (1987). *Pengantar Psikolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariyati Hj Mohd Nor. (2008). *Unsur-unsur kata adjektif dalam Bahasa Sepanyol : Satu perspektif leksikologi*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan).Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching*. London: Sage Publication Ltd.
- McLaughlin,B. (1987) *Theories of Second Language Acquisition*: London: Edward Arnold Pub.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1989). *Qualitative Data Anylisis: A sourcebook of new methods*.California:Sage Publication.
- Murphy, S (2005). Second Language Transfer during Third Language Acquisition. *Teachers College, Columbia University Working Paper in TESOL and Applied Linguistic* 3(1). pp 3.
- Neo, Swee Leng.(2005).*Strategi pembelajaran bahasa : satu kajian di kalangan pelajar-pelajar bahasa Sepanyol di Universiti Malaya*.(Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim. (1995). *Malay grammar for academics & professionals*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Alias.(2008).*Terjemahan berganti sarikata dalam siri telenovela: kajian kesamaan makna dari bahasa Sepanyol ke bahasa Melayu*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Aina Dani (1996). *Pemindahan bahasa dalam proses pembelajaran bahasa Melayu pelajar-pelajar Dusun*. (Disertasi Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan).Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Odlin, T. (1989).*Language transfer: Cross linguistic influence in language learning*, Cambridge University Press: Melbourne Sydney.
- Oxford, R. (1990).*Language learning strategies: What every teacher should know*: New York: Prentice Hall.

- Oxford, R.L. (1991). Language learning strategies: Making them work for you and your students . *Presentation at the Annual Meeting of Puerto Rico Teachers of English to Speakers of Other Languages (PRTESOL)*, San Juan.
- Powell,G (1998). What is the role of transfer in inter-language? *Centre for Research in Language Education CRILE Working Papers*, 33. 1-4
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2004). *Bahasa Antara*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Radhiah Ismail.(2005) .*Penguasaan kata ganti nama diri Bahasa Sepanyol di kalangan pelajar Melayu Universiti Malaya*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ringbom, H. (1986). Crosslinguistic influence and the foreign language learning process. InM. Sharwood Smith & E. Kellerman (Eds.), *Crosslinguistic influence in second language acquisition* (pp. 150-162). Oxford, UK: Pergamon Press.
- Ringbom, H. (2001). Lexical transfer in L3 production. In J. Cenoz, B. Hufeisen, & U. Jessner(Eds.), *Cross-linguistic influence in third language acquisition: Psycholinguistic perspectives*(pp. 59-68). Clevedon, UK: Multilingual Matters.
- Ringbom, H. (1987). *The Role of the First Language in Foreign Language Learning*. Clevedon: Multilingual Matters
- Romaine, S. (1995). *Bilingualism*. Oxford: Blackwell
- Rothman, J. (2010). On the typological economy of syntactic transfer: Word order and high/low attachment preference in relative clause interpretations in L3 Brazilian Portuguese. *IRAL, International Review of Applied Linguistics in Language Teaching* 48(2/3): 245–273
- Salina Husain. (2008). *Peribahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol : satu perbandingan makna dan amalan*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sanz, C (2000). Bilingual education enhance third language acquisition: evidence from Catalonia. *Applied Psycholinguistic* (1). 23-44
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics*, 10 (3), 209-231.
- Sidek Mohd. Noah.(2002). *Reka bentuk penyelidikan: falsafah, teori dan praktis*. Serdang:Universiti Putra Malaysia.
- Sinclair, J. & Brazil, D, (1982). *Teacher Talk*. Oxford University Press

Sjögren, Y. (2000). Multilingual conversations in Swedish. Ms.

Stockwell, R.P. & J.D. Bowen (1965). *The Sounds of English and Spanish* . University of Chicago Press:Chicago.

Takahashi, T (1984): *A Study On Lexico-Semantic Transfer*. Columbia, Umi.

Tremblay,M.C. (2006) .Cross linguistic influence in third language acquisition: The role of L2 and L2 exposure. *CLO/OPL*, 34, 109-119.Colege

Weinrich.U. (1953). *Languages in contact: Findings and problems*. Amsterdam: John Benjamin Publishing

Zamri Mahamod (2000).Pemindahan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zhiliang, Liu (2011). Negative Transfer of Chinese to College Students English Writing. *Journal of Language Teaching And Research*, 2 (5), 1061-1068.

Zhonghua Yang. (2009). The effect of mother tongue transfer on English writing. *Teaching and Management* 11(3), 16-20

University of Malaya